

BAB SATU¹

PENDAHULUAN

1. Latarbelakang kajian

Dialog antara agama secara tidak langsung telah bermula di Malaysia di penghujung tahun 50 an, iaitu dengan tertubuhnya Majlis Kerjasama Antara Agama Sedunia (*World Council for Interfaith Cooperation*) pada tahun 1956² yang berpusat di Malaysia. Di peringkat awal ia beroperasi sebagai Majlis Kerjasama Antara Agama (*Council For Interfaith Cooperation*) sehingga tahun 1962 dan seterusnya beroperasi di bawah nama baru iaitu Pertubuhan Antara Agama Malaysia (*Malaysian Inter-Religious Organisastion*) sehinggalah pada tahun 1986 dikenali pula sebagai *Inter-Faith Spiritual Fellsowship* (INSaF). Di antara organisasi-organisasi lain yang turut menyumbang kepada proses dialog antara agama di Malaysia adalah *Malaysian Interreligious Organisation* (MIRO)³, *International Movement for a Just World* (JUST)⁴, *Malaysian Interfaith Network* (MIN)⁵, *Malaysian Consultative Council for Buddhism, Christianity, Hinduism and Sikhism* (MCCBCHS)⁶, *Christian Federation of Malaysia* (CFM)⁷,

¹ Penyediaan kajian ini adalah mengikut; *Buku Panduan Penulisan Ilmiah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya*, ed. ke-3 (Kuala Lumpur: Pejabat Izajah Tinggi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2012). Manakala keseluruhan transliterasi dalam kajian ini adalah mengikut ROTAS (Roman Trnsliteration of Arabic Script Transliteration Kit), 2008, by Abdul Kabir Hussain Solihu, Mohd Fuad Sawari dan Ahmed M.Zeki, International Islamic University Malaysia, Kuala Lumpur Malaysia.

²Inisiatif penubuhannya telah dilakukan oleh Persatuan Hidup Murni (*Pure Life Society*). Persatuan ini adalah persatuan amal yang bertujuan mempromosikan kepelbagaian bangsa dan agama serta mewujudkan kesefahaman antara pelbagai agama melalui syarahan, forum, aktiviti mempromosikan interaksi agama melalui konvensyen antara agama. Maklumat lanjut rujuk Khairulnizam Mat Karim, “Realiti Aplikasi Dialog Antara Agama di Malaysia Kajian Terhadap Inter-Faith Spiritual Fellowship (INSaF) dan Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya (Disertasi Ijazah Sarjana Usuluddin, Jabatan Aqidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2005), 98.

³ Yusri Mohamad Ramli, “ Dialog Antara Agama di Malaysia: Perkembangan Dalam Sejarah Separuh Abad Selepas Merdeka” (Kertas kerja Seminar Antarabangsa Agama dan Pembangunan III, anjuran Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 6-7 Ogos 2007), 1.

⁴ *Ibid.*

⁵ *Ibid.*

⁶ Khairulnizam Mat Karim & Suzy Aziziyana Sali, *Dialog Antara Agama: Perspektif Islam dan Realiti di Malaysia* (Bangi: Pusat Pengajian Islam dan Peradaban, Universiti Tenaga Nasional, 2009), 53-55.

⁷ *Ibid.*

Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)⁸, Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya⁹, badan-badan bukan kerajaan (NGO)¹⁰ dan beberapa pusat pengajian tinggi tempatan seperti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Pelaksanaan dialog antara agama dilihat dengan jelas pada awal 80an selepas pelaksanaan Dasar Islamisasi oleh pihak kerajaan Malaysia. Ini adalah kerana masyarakat bukan Muslim pada masa itu tidak memahami dengan jelas dasar tersebut dan menimbulkan kekeliruan. Oleh itu mereka telah mula menyuarakan ketidakpuasan hati terhadap pelaksanaan polisi ini yang difahami mereka sebagai ancaman dan menjadikan mereka rakyat kelas kedua serta pelbagai reaksi negatif dalam pelbagai isu.¹¹ Maklumat yang paling penting bagi kajian ini ialah agama Kristian memainkan peranan dan mempunyai pengaruh yang kuat dalam melaksanakan protes serta penentangan terhadap pelaksanaan dasar tersebut.¹² Lantaran daripada itu berlaku beberapa siri soal jawab secara formal seperti konvensyen dan seminar sebagai platform penjelasan dan perundingan dan akhirnya berlaku dialog.¹³ Secara jelasnya dialog yang

⁸ *Ibid.*, 46

⁹ Khairulnizam Mat Karim, "Realiti Aplikasi Dialog Antara Agama di Malaysia", 116.

¹⁰ Di antara badan-badan bukan kerajaan (NGO) yang turut terlibat di dalam dialog antara agama di Malaysia adalah (1) The Bishop's Institute of Inter-Religious Affairs (BIIRA), (2) ALIRAN, (3) Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), (4) Young Men Christian Association (YMCA), (5) Consumer Association of Penang (CAP), (6) Fostering Interreligious Encounter (FIRE), dan (7) Akademi Kajian Ketamadunan. Maklumat lanjut rujuk Ghazali Basri, "Pengalaman Lalu, Cabaran Semasa dan Prospek", *Siri Monograf 9 Dialog Antara Agama di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya, 2005), 5-7.

¹¹ Di antara isu-isu yang dibangkitkan adalah (1) Pelaksanaan Syariah, (2) Penggunaan al-Kitab Menggantikan Bible, (3) Peruntukan Tapak-tapak Rumah-rumah Ibadah, (4) Hak Penyiaran dan (5) Dasar Pendidikan Kerajaan. Maklumat lanjut rujuk, K.S. Jomo dan A. Check, "Malaysian Islamic Movement", dalam *Fragmented Vision: Cultural and Politics in Contemporary Malaysia*, eds. J. Khan dan Kok Wah (North Sydney: Asian Studies Association of Australia in association with Allen and Unwin, 1992), 93; Ghazali Basri, *Gerakan Kristian Sebagai Sebuah Gerakan: Satu Tinjauan Sosiologi* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999), 52-53.

¹² Khairulnizam Mat Karim & Suzy Aziziyana Sali, "Dialog Antara Agama", 56.

¹³ Dialog antara agama yang pertama dianjurkan yang berbentuk seminar adalah yang dianjurkan oleh *Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism and Sikhism* (MCCBCHS) pada 7 April 1984. Seminar ini bertajuk Seminar Peranan Agama dalam Pembangunan Bangsa. Maklumat lanjut rujuk, T.A. Rahman dan Tan Chee Kon, *Contemporary Issues on Malaysian Religions* (t.tp): Pelanduk Publisher, 1984), 200-203.

berlaku pada waktu itu adalah di antara masyarakat bukan Muslim dengan Kerajaan Malaysia (Pembuat Dasar) yang majoritinya adalah Muslim.¹⁴

Proses dialog melalui satu transformasi pada lewat 90an iaitu bersifat tuntutan daripada satu pihak kepada satu pihak lain dalam kerangka yang sempit (seperti huraian di atas) kepada satu keperluan masyarakat sejagat amnya dan khasnya masyarakat di Malaysia. Ini dapat dilihat dengan wujudnya pelbagai kategori aktiviti-aktiviti dialog dengan menyentuh pelbagai isu sama ada keagamaan mahupun sosial yang dilaksanakan oleh pelbagai organisasi sama ada Badan Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan juga Institusi Pengajian Tinggi Tempatan.¹⁵ Di antara kategorinya adalah (1) Seminar/Persidangan, (2) Syarahan/Kuliah Umum/Ceramah, (3) Forum/Majlis Dialog, (4) Bengkel, (5) Projek/Aktiviti Usahasama, (6) Kursus/Kelas Pengajian.¹⁶ Sehingga ke hari ini seluruh aktiviti dialog secara umumnya berasaskan kepada kategori di atas.

Realiti semasa dialog antara agama di Malaysia amat penting untuk diteliti. Pertama, penglibatan organisasi dan penyertaan masyarakat. Dalam kajian sebelum ini¹⁷ menunjukkan bahawa penglibatan organisasi-organisasi Islam tidak menggalakkan berbanding organisasi-organisasi bukan Islam. Dari sudut penyertaan juga telah menunjukkan bahawa penglibatan masyarakat Muslim amat rendah terutama masyarakat awam.¹⁸ Ini adalah kerana tahap kefahaman dan kesedaran mereka terhadap kepentingan dialog dalam konteks semasa adalah rendah.¹⁹ Oleh sebab itu ada di kalangan sarjana di Malaysia telah mula mengutarakan kerelevanan pelaksanaan dialog

¹⁴ Khairulnizam Mat Karim & Suzy Aziziyana Sali. "*Dialog Antara Agama*:", 56.

¹⁵ Khairulnizam Mat Karim, "Realiti Aplikasi Dialog Antara Agama di Malaysia", Lampiran B dan Lampiran D.

¹⁶ Khairulnizam Mat Karim & Suzy Aziziyana Sali. "*Dialog Antara Agama*:", 57-59.

¹⁷ Mengambil kira hasil kajian pada tahun 2003-2005. Maklumat lanjut sila rujuk *Ibid.*, 62-63.

¹⁸ *Ibid.*

¹⁹ *Ibid.*

antara agama di Malaysia dan bagaimana ingin merakyatkan aktiviti ini agar masyarakat awam turut terlibat.²⁰

Perkara kedua adalah aspek para pendialog atau isu ketepatan pemilihan ahli panel program dialog. Perkara ini amat penting dan menjadi fokus utama dalam penyelidikan ini. Oleh itu adalah amat penting untuk diteliti kerana sebahagian besar kejayaan dialog adalah bergantung kepada kredibiliti, kriteria, prestasi atau personaliti pendialog itu sendiri terutama dialog yang bersifat teologi (berkaitan hal-hal dalaman agama) dan dialog penyelesaian konflik antara agama (akan menjadi fokus di dalam kajian ini). Para pendialog ini bukan hanya dilihat dari sudut kesamaan taraf²¹ mereka di dalam sesebuah agama atau jawatan yang disandang di dalam organisasi yang diwakili. Seharusnya kefahaman terhadap konsep asas dialog, latarbelakang agama, pendidikan, kemahiran atau bidang (*expertise*) di dalam topik perbincangan turut diambil perhatian serius. Ini adalah kerana selain berperanan merealisasikan wacana dialog, mereka juga secara langsung menjadi agen²² bagi agama yang diwakili seterusnya akan memberi kesan positif mahupun negatif terhadap hubungan antara agama.

Terdapat tiga tujuan utama dialog yang harus dimainkan oleh pendialog atau agen dialog ini. Pertama: Meyakinkan kebenaran dan mewujudkan ransangan untuk berfikir seperti dialog yang berteraskan unsur-unsur kepercayaan seperti teologi, doktrin serta tradisi sesebuah agama.²³ Tujuan pertama ini memerlukan para pendialog untuk bersikap objektif, tidak bersikap prejudis, membuang sikap pra sangka awal (*pre-*

²⁰ Sharom TM Sulaiman, "Dialog Peradaban Dan Agama di Malaysia: Praktik dan Kerevenannya Hari Ini", dalam *Islam dan Dialog Peradaban: Satu Perspektif*, ed. Azizan Baharudin (Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya, 2005), 82.

²¹ Ramon Llull, "Intrareligious Dialogue according to Ramon Llull" dalam *The Intrareligious Dialogue*, ed. Raimon Panikar (New York: Paulist Press, 1999), 112-114.

²² Konsep sebenar "agen" yang dimaksudkan oleh pengkaji akan dihuraikan dalam proses penyelidikan sebenar berdasarkan asas-asas dialog antara agama, peranan yang harus dimainkan oleh pendialog untuk organisasi mahupun agama yang dianuti. Selain itu konsep agen ini juga akan turut mengambil kira pendekatan dan dimensi agama Islam dan Kristian.

²³ Abdul Azizi Altwaijiri, *Dialogue and Civilizational Interaction from an Islamic Perspective* (Cairo: Islamic Education, Scientific and Cultural Organization (ISESCO), 1997), 9.

conceive notion), bersikap terbuka kepada setiap maklumat yang diterima.²⁴ Pandangan ini telah dijelaskan oleh Al-Fārūqī dalam konsep *Meta-Religion*.²⁵ Al-Qur’ān telah merakamkan dialog di antara Rasūl dan umatnya seperti dialog yang berlangsung di antara Nabi Ibrāhīm dan ayahnya sebagaimana firman Allah di dalam Sūrah Maryam, ayat 42-43 yang bermaksud,

“Ketika ia berkata kepada bapanya: Wahai ayahandaku!, Mengapa ayahanda menyembah sesuatu yang tidak mendengar, tidak melihat dan tidak dapat menolongmu sedikitpun? Wahai ayahandaku! Sesungguhnya telah datang kepadaku sebahagian ilmu pengetahuan yang tidak datang kepadamu, kerana itu ikutlah aku, nescaya aku akan menunjukkan kepadamu jalan yang lurus”.²⁶

Terjemahan Sūrah Maryam (19): 42-43

Ayat di atas menjelaskan bahawa rakaman dialog ini dapat memecah kebekuan akal dan merangsang pemikiran rasional serta dapat menyerlahkan hakikat bahawa iman itu harus juga bertitik tolak dari akal dengan berdasarkan kepada sumber yang tepat, jelas dan amat objektif. Pemahaman sebegini amat penting bagi para pengamal dialog.

Kedua: Meningkatkan kefahaman terhadap realiti sebenar sesuatu agama.²⁷ Maka melalui proses dialog ini, setiap pendialog dan peserta akan bersikap objektif dan

²⁴ Charles Abthony Kimball, “Striving Together in The Way of God: Muslim Participation in Christian-Muslim Dialogue” (Tesis Doktor Teologi, Universiti Havard, 1987), 237-238

²⁵ *Metareligion* adalah suatu pendekatan yang digunakan dalam mengkaji setiap agama dengan meneliti fenomena sebenar sesuatu agama tersebut. Al-Fārūqī menjelaskan bahawa kajian yang dilakukan haruslah bersifat objektif, saintifik dan berkonsepkan akademik dan bukan berlandaskan kaedah polemik. Dengan pendekatan ini kajian akan dapat dijalankan melebihi sempadan setiap agama. Oleh itu setiap kritikan yang dilakukan terhadap setiap agama tidak akan dianggap sebagai “*Muslim Critique*” tetapi “*Human Critique*” dan “*Rational Critique*”. Dengan ini akan memudahkan pelaksanaan dialog. Maklumat lanjut sila rujuk, Al-Fārūqī, “Towards a Critical World Theology” dalam *Towards Islamization of Disciplines* (U.S.A: International Institute of Islamic Thought (IIIT), 1989), 416-420.

²⁶ Terjemahan ayat di atas dan seterusnya adalah merujuk kepada kitab Tafsir *Fī Zilāl al-Qur’ān*, karangan Sayyid Qutb yang diterjemahkan oleh Yusoff Zaky Haji Yacob. Maklumat lanjut rujuk, Sayyid Qutb, *Tafsīr Fī Zilāl al-Qur’ān*, terj. Yusoff Zaky Haji Yacob, cet.1 (Kuala Lumpur: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd dengan kerjasama Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM).

²⁷ Ruslani, *Masyarakat Kitab Dan Dialog Antaragama: Studi Atas Pemikiran Mohammed Arkon* (Yogyakarta: Yayasan Bentang Budaya, 2000), 164.

professional serta melahirkan pandangan yang tepat²⁸, bersifat terbuka dan tidak berpihak (*free and unbiased search after truth*), memerlukan penukaran kepada kebenaran (*requires conversion to the truth*), melebarkannya kepada melahirkan unsur menghargai tradisi dan budaya sesuatu agama²⁹. Selain itu keperluan untuk mengelakkan sifat prejudis, ta'asub, mengetahui dengan lebih mendalam perbezaan dan persamaan yang wujud sehingga meningkatkan kepercayaan antara penganut yang akhirnya dapat membina hubungan yang harmoni.³⁰ Seterusnya menjadi pemangkin utama kepada semangat persaudaraan yang berasaskan toleransi dan penerimaan (menerima fakta secara total berasaskan sumber yang tepat). Oleh itu maklumat salah tafsir, konflik kefahaman, konflik interes mengenai unsur-unsur keagamaan yang wujud dalam setiap agama akan dapat dikurangkan.

Ketiga: Mewujudkan Konsep Keamanan Universal (*Global Peace*)³¹ dan meningkatkan kerjasama dalam inisiatif untuk kebaikan kemanusiaan sejagat.³² Penulis melihat tujuan ini meliputi aspek keamanan, kesejahteraan, keselamatan dan kemakmuran yang harus dinikmati oleh seluruh manusia dalam pelbagai bidang kehidupan. Dalam persoalan ini penulis merujuk kepada Firman Allah yang bermaksud:

“Hai manusia! Sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Pakar”

Terjemahan Sūrah al-Hujurat(49):13

²⁸ *Ibid.*

²⁹ Ghulam Haider Aasi, *Muslim Understanding of Other Religion: A Study Of Ibn Hazm's Kitāb al-Faṣl fī al-Milal wa al-Ahwā' wa al-Nihal* (Pakistan: Islamic Research Institute Press Islamabad, 1999), 74-77.

³⁰ John Alembillah Azumah, *The Legacy Of Arab-Islam In Africa: A Quest for Inter-Religious Dialogue* (Oxford: Oneworld Publication, 2001), 171-172.

³¹ ‘Abdul Aziz Altwaijri, “*Dialogue and Civilizational Interaction from an Islamic Perspective*”, h. 19; Syed Z. Abedin et al., “Kaum Beriman dan Peningkatan Saling Percaya”, terj. Ali Noer Zaman, *Dialog Muslim-Kristen: Dulu, Sekarang Dan Esok* (Yogyakarta: Penerbit Qalam, 2000), 6.

³² Kamar Oniah, “Inter-Faith Dialogue-Moving Forward: Setting Premises and Paradigm”. *Religion and Pluralistic Co-Existence: The Muhibbah Perspective*(A Collection of Seminar Paper) (t.tp: IIUM Press, 2010), 131.

Ibn Kathir dan al-Rāzī dalam tafsirnya³³ menerangkan bahawa ayat ini lebih menekankan kepada kesepaduan umat Islam yang berbilang bangsa dan etnik serta matlamatnya didasarkan kepada taqwa kepada Allah. Ia juga sesuai untuk diaplikasi dalam konteks masyarakat berbilang agama. Oleh itu perkataan “kenal-mengenal” tersebut dapat diperluaskan supaya maksudnya meliputi hubungan kerjasama dalam pelbagai aspek kehidupan seperti memelihara keamanan dan keadilan sejagat, memupuk kasih sayang, hubungan persaudaraan dan toleransi serta meningkatkan mutu kehidupan masyarakat dalam pelbagai aspek.

Dengan berlandaskan kepada latarbelakang sejarah ringkas, realiti semasa serta transformasi pelaksanaan dialog antara agama di Malaysia dan tujuan utama secara teori maka sudah pasti isu-isu antara agama atau konflik agama pasti tidak berlaku. Tetapi berdasarkan perkembangan realiti semasa ia berlaku sebaliknya. Apakah punca kepada perkara ini berlaku? Walaubagaimanapun pengkaji mengakui bahawa idea mahupun aspirasi dialog antara agama ini bukan sesuatu yang mudah untuk diterjemahkan ke dalam realiti sebenar.

2. Masalah kajian

Dengan paparan latar belakang sebelum ini dijelaskan bahawa pelaksanaan dialog antara agama di Malaysia telah berlangsung selama setengah abad atau lebih tepat mengikut catatan tahun iaitu 55 tahun. Manakala pelaksanaan secara aktif adalah 27 tahun.³⁴ Khairulnizam³⁵ di dalam kajiannya sebelum ini ada menyatakan bahawa

³³ Ibn Kathir, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm* (Beirut: Dār al-Maktabah al-Hulūl, 1987), 5:384; Imām Muhammad al-Rāzī, *Tafsīr al-Fakh al-Rāzī*, cet. ke-3 (Beirut: Dār al-Fikr, 1985), 136.

³⁴ Perkiraan tahun ini dibuat oleh penulis berdasarkan tahun awal pelaksanaan dialog antara agama di Malaysia iaitu pada tahun 1956 (pelaksanaan tidak aktif) sehingga 1984 (bermula era baru dialog antara agama di Malaysia secara aktif) dan pada 2011 di mana penyelidikan ini bermula.

pelaksanaan dialog ini dilihat sebagai satu metode perdamaian (*reconciliation method*) yang menyumbang kepada faktor kesatuan di samping mengelakkan perpecahan terutama isu-isu sensitif seperti isu keagamaan.³⁶ Walaubagaimanapun Khairulnizam turut menimbulkan persoalan adakah dari sudut pelaksanaan dalam realiti semasa dialog dapat memainkan peranan sebagai platform atau metode perdamaian di kalangan masyarakat berbilang agama, bangsa dan budaya seperti di Malaysia ini?

Berdasarkan kepada realiti semasa, isu-isu antara agama adalah seperti (1) berkait rapat dengan pentadbiran agama, (2) pelaksanaan undang-undang atau polisi kerajaan yang memberi kesan terhadap agama seperti pembinaan rumah ibadah, sistem mahkamah sivil dan *sharī‘ah*, isu penukaran agama, (3) isu penggunaan terminologi al-Qur’ān dan bahasa ‘Arab, (4) isu pengkebumian saudara baru, (5) isu dakwah kepada agama lain secara langsung dan tidak langsung, (6) isu kefahaman agama dan adat resam. Dengan isu-isu yang berlaku telah menunjukkan dialog antara agama masih lagi dilihat rapuh untuk menjadi platform atau metode terbaik dalam menangani konflik antara agama.

Menyedari hakikat ini, penulis beranggapan bahawa ada faktor yang menyumbang kepada kejayaan dan kegagalan proses tersebut. Dalam pemerhatian penulis di antara faktor tersebut adalah bergantung secara langsung dengan para pendialog³⁷ yang terlibat

³⁵ Khairulnizam adalah merupakan penulis/pengkaji sendiri di mana telah memulakan penyelidikan di dalam dialog antara agama di Malaysia sejak tahun 2003 sehingga kini (2011, semasa kajian ini mula dijalankan). Di antara penulisan-penulisan berkaitan dengan dialog antara agama telah dibentang di siri-siri seminar di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Selain itu penulisan-penulisan ini turut diterbitkan di dalam jurnal, buku, bab dalam buku, prosiding, akhbar harian tempatan dan majalah tempatan Malaysia.

³⁶ Khairulnizam Mat Karim, “Realiti Aplikasi Dialog Antara Agama di Malaysia”, 4.

³⁷ Perkara berkaitan dengan kesesuaian pendialog ini juga disentuh oleh Dr. Kamar Oniah dengan menyatakan, “*Since in interfaith dialogue the position of the religions on certain issues are to be discussed, it is therefore imperative that the dialogue partners and participants be among those who are competent, knowledgeable and committed to their religions. This is to avoid misrepresentation of religions, which will be disadvantage to the both the religions and the dialogue audience. Disadvantage to the religion because the religion will be misunderstood by the partners and participants if it is poorly*

dalam sesi-sesi dialog antara agama sama ada berkonsepkan dialog keagamaan mahupun sosial. Ini turut telah dinyatakan di dalam latar belakang sebelum ini sebagai agen. Peranan yang harus dimainkan sebagai agen iaitu bukan sekadar menggalas tanggungjawab kepada diri dan organisasi yang diwakili tetapi kepada agama yang mereka anuti dan masyarakat secara umum jika ia melibatkan kepentingan negara. Ini adalah kerana kejayaan atau kegagalan mereka ini dalam menyempurnakan tanggungjawab sebagai pendialog sudah pasti akan memberi kesan langsung kepada hubungan antara agama. Penulis melihat bahawa ada beberapa persoalan penting yang harus dikaji iaitu; (1) Siapakah kumpulan yang paling sesuai untuk mewakili agama masing-masing dalam pelaksanaan dialog antara agama? (2) Adakah para pendialog memahami konsep-konsep asas dialog antara agama seperti (a) definisi sebenar dialog, debat, *mubāhalah* dan perbezaannya, (b) objektif dialog, (c) prinsip-prinsip dialog, (d) panduan-panduan dialog, (e) peraturan dialog. (3) Adakah para pendialog memahami dengan jelas peranan dan tanggungjawab yang harus dimainkan semasa sesi dialog berlangsung (*Inter-Dialogue*)?³⁸ (4) Adakah para pendialog memahami peranan dan tanggungjawab yang harus dimainkan selepas sesi dialog tamat(*Intra-Dialogue*)?³⁹ ⁴⁰

Ini adalah kerana proses dialog adalah satu proses berterusan iaitu tidak hanya berjalan di meja rundingan sahaja tetapi harus direalisasikan dalam bentuk perancangan dan tindakan. Oleh itu jika para pendialog yang terlibat tidak memahami persoalan-

explained, and thus will be a disservice to the religion.” Maklumat lanjut rujuk, Kamar Oniah, “Inter-Faith Dialogue-Moving Forward: Setting Premises and Paradigm”, 131.

³⁸ Pelaksanaan dialog yang berlaku di kalangan pendialog pelbagai agama seperti di antara pemimpin-pemimpin agama.

³⁹ Pelaksanaan dialog yang berlaku di dalam komuniti sendiri. Ini amat penting kerana, sebagai agen (pendialog) harus memaklumkan kepada masyarakat yang diwakili berkaitan informai-informasi yang dibincangkan di dalam dialog di antara agama sama ada fakta-fakta atau keputusan-keputusan yang telah dicapai. Ini akan dapat mengelakkan salah faham di kalangan masyarakat.

⁴⁰ Yasril Yazid dalam kajian Doktor Falsafahnya, beliau telah menyenaraikan bahawa salah satu faktor kegagalan pelaksanaan dialog antara agama di Indonesia adalah disebabkan oleh kegagalan kumpulan yang terlibat di dalam dialog untuk memahami konsep dialog antara agama itu sendiri. Maklumat lanjut rujuk Yasril Yazid, “Pro Kontra Dalam Pluralisme Agama: Kajian Terhadap Konflik Sosial Keagamaan dan Sikap Toleransi Beragama di Indonesia”(Tesis Doktor Falsafah Usuluddin, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2005).

persoalan di atas, ia secara langsung akan memberi kesan sama ada positif atau negatif kepada kelangsungan hubungan antara agama.

Justeru kajian harus dijalankan untuk melihat tahap kesediaan para pendialog seperti aspek pemahaman, tanggungjawab, peranan dan kesan kepada hubungan sosial mereka dan seterusnya akan turut memberi kesan kepada masyarakat majmuk di Malaysia. Dengan maklumat yang diperolehi satu kerangka model atau pelan perancangan akan dapat dibentuk bagi mengatasi kekurangan yang masih wujud di dalam proses pelaksanaan dialog antara agama di Malaysia seterusnya menjayakan gagasan 1Malaysia⁴¹ yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia yang keenam Datuk Seri Najib Tun Razak iaitu dalam lingkungan kajian ini dijalankan.

3. Definisi tajuk

- a) **Kefahaman:** Maksud kefahaman di dalam penyelidikan ini adalah satu proses untuk mengukur kefahaman konsep dialog berdasarkan teori asas dialog antara agama Islam & Kristian daripada hasil-hasil kajian konsep asas dialog antara agama. (Proses dan prosider pengukuran akan dihuraikan di dalam metodologi penyelidikan).
- b) **Dialog Antara Agama:** Dialog yang dimaksudkan adalah dialog yang berhubungkait dengan hal-hal dalaman agama yang menjadi punca konflik dan dialog menjurus kepada penyelesaian konflik.

⁴¹ Maklumat lanjut berkaitan kaitan dialog antara dalam gagasan 1Malaysia rujuk Suzy Aziziyana Sali dan Khairulnizam Mat Karim, "Peranan Dialog Antara Agama Dalam Pembangunan Masyarakat Malaysia", dalam *Dakwah dan Multi Etnik*, eds. Ahmad Redzuan Mohd Yunus (Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010), 175-196.

- c) **Konsep dialog antara agama:** konsep dialog adalah berkaitan dengan, (1) pengistilahan & maksud, (2) tujuan dialog, (3) prinsip dialog, (4) panduan dialog dan (5) peraturan dialog
- d) **Pemimpin Agama Islam & Kristian:** di dalam penyelidikan ini responden utama adalah Mufti (responden juga termasuk Ahlijawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dan Pegawai Agama Bahagian Dakwah⁴² setiap negeri) dan Paderi (responden terdiri daripada Ahli Majlis Gereja-Gereja SeMalaysia termasuk Ketua Ahli Bersekutu dan Ahli Gabungan seluruh Malaysia). Pemilihan ini dibuat adalah berdasarkan beberapa faktor; (1) kedudukan responden di dalam agama, (2) peranan dan pengaruh yang besar dalam agama dan negara, (3) kedudukan responden di peringkat nasional serta mampu berfungsi sebagai mediator di antara agama dalam isu-isu antara agama dalam *Inter-Dialogue* dan *Intra- Dialogue*. (Penjelasan lanjut responden secara khusus dan jumlah populasi dan sampel akan dihuraikan di dalam bahagian metodologi).
- e) **Hubungan sosial:** ia terdiri daripada (1) Interaksi Sosial, (2) Sikap Eksklusif, (3) Sikap Altruistik, (4) Kerjasama dalam penyelesaian konflik, (5) Hal-hal Dakwah (Islam) dan Mubaligh (*Missionary*) (Kristian).

⁴² Ejaan perkataan “Dakwah” dan bukan “Da’wah” akan digunapakai di dalam penyelidikan ini dengan merujuk kepada penggunaan yang digunapakai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Maklumat lanjut sila rujuk Hajah Noresah bt Baharom et al. eds., Kamus Dewan, cet. ke-3 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), 1994), 263-264. Selain itu unit-unit dakwah di setiap Jabatan Hal Ehwal Islam setiap negeri di Malaysia juga turut menggunakan ejaan “Dakwah” kecuali Negeri Sarawak tiada pengkhususan unit untuk dakwah dan Negeri Kedah dan Perak masing-masing lawan sesawang mereka masih dalam proses kemaskini, 27 Oktober 2011.

4. Batasan kajian

Bagi mendapatkan maklumat dan data yang tepat, tinggi kesahan serta tinggi kebolehpercayaan maka pengkaji telah membataskan kajian kepada beberapa perkara. Perkara-perkara tersebut adalah (a) Pengkhususan responden di dalam kajian, (b) Populasi dan Persampelan Responden dan (c) Kerangka/tempoh masa kajian.

(a) Pengkhususan responden

Dalam penyelidikan ini responden adalah Pemimpin Agama bagi Agama Islam dan Kristian iaitu Mufti (termasuk Ahli Jawatankuasa Fatwa)⁴³ dan Paderi (termasuk ahli jawatankuasa yang dilantik dan).⁴⁴ Di dalam kaedah penyelidikan, prosedur penyelidikan ini dikategorikan sebagai Persampelan Bertujuan (*Purposive sampling*) iaitu merujuk kepada sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri dan faktor-faktor tertentu untuk dipilih sebagai responden. Metodologi ini akan juga dihurai secara mendalam di bahagian metodologi penyelidikan. Di antara faktor-faktor pemilihan responden adalah,

Pertama - **Faktor Dalaman** (dalam kedua-dua agama): (i) kedudukan responden, (ii) peranan dan tanggungjawab yang dimainkan dalam *Inter-Dialogue* dan *Intra-Dialogue*, (iii) pengaruh yang besar dalam masyarakat.

⁴³ Maklumat lanjut berkaitan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan sila rujuk, <http://www.e-fatwa.gov.my>, 4 Jun 2011.

⁴⁴ Maklumat lanjut berkaitan Ahli Majlis Gereja-gereja SeMalaysia sila rujuk, <http://ccmalaysia.org/about.htm>, 1 Julai 2011.

Kedua – **Faktor Luaran:** (i) kedudukan responden di peringkat nasional (mempunyai ruang dan peluang dalam pembentukan dasar negara), (ii) menjadi wakil dalam urusan antara agama (terutama dalam menerangkan isu-isu antara agama). Untuk mendapatkan persampelan yang mampu meningkatkan kesahan maklumat dan data, pengkaji juga telah mencadangkan untuk memasukkan Pegawai Agama di Unit Dakwah setiap Jabatan Agama Islam Negeri di Malaysia. Ini adalah merujuk kepada peranan mereka dalam menyampaikan dakwah Islam kepada masyarakat Islam secara khusus dan berkomunikasi atau berdialog dengan masyarakat bukan Islam di Malaysia secara umum. Begitu juga untuk agama Kristian, dalam Majlis Gereja Semalaysia (CCM) dicadangkan juga untuk disenaraikan Pemimpin Ahli Majlis (*Associate Members*) dan Ahli Gabungan (*Affiliate Members*) di mana mereka juga berperanan besar dalam urusan atau aktiviti gereja (*ecumenical activity*) serta aktiviti mubaligh (*missionary activity*).

(b) Populasi dan Persampelan Responden

Berdasarkan tajuk penyelidikan yang menasaskan maklumat kefahaman pemimpin agama di Malaysia (Islam dan Kristian), maka sudah pasti responden yang telah dikenalpasti juga mewakili setiap negeri di semenanjung Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Struktur lengkap sedia ada seperti Ahli Jawatankuasa Majlis Fatwa dan Unit Dakwah setiap negeri akan dapat memfokuskan sampel penyelidikan. Begitu juga kewujudan struktur Majlis Gereja-gereja SeMalaysia di setiap negeri termasuk Ahli Majlis (*Associate Members*) dan Ahli Gabungan (*Affiliate Members*) akan dapat membataskan kepada populasi yang dikenalpasti sahaja. Ini juga akan dapat membantu meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan data serta maklumat yang akan dikumpul. Selain itu persampelan untuk pemimpin agama Kristian tidak akan mengambil kira

mazhab-mazhab yang berada di Malaysia. Walaupun diakui bahawa berkemungkinan aliran mazhab juga mempengaruhi kefahaman seseorang terhadap sesuatu perkara (Huraian lanjut berkaitan persampelan akan dihuraikan di dalam bahagian metodologi).

(c) Kerangka/tempoh masa kajian

Kerangka atau tempoh masa kajian yang dicadangkan adalah selama 10 tahun bermula pada tahun 2001 hingga 2010. Kerangka masa kajian ini adalah disandarkan kepada beberapa faktor yang dikenalpasti oleh penulis melalui kajian literatur awal, analisa perkembangan hubungan antara agama di Malaysia dan observasi semasa.

Pertama - Faktor Pemimpin/Politik: Faktor politik bermaksud dalam tempoh 10 tahun (2001-2010) Negara Malaysia telah dipimpin oleh tiga orang Perdana Menteri iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad, Tun Abdullah Ahmad Badawi dan Dato' Seri Najib Tun Razak. Ini bermaksud peralihan kepimpinan dalam tempoh masa ini adalah sebanyak dua kali. Selain itu dalam pemerintahan ketiga-tiga pemimpin ini, mereka telah memperkenalkan beberapa gagasan negara iaitu Dasar Islamisasi (1982)⁴⁵, Islam Hadhari (2003)⁴⁶ dan 1Malaysia (2008).⁴⁷ Ini bermaksud kepimpinan dan gagasan yang dibawa pada pengamatan penulis mampu memberi kesan terhadap perkembangan masyarakat di Malaysia secara umum dan hubungan antara agama secara khusus. Ini adalah kerana setiap gagasan ini mempunyai objektif dan matlamat yang berbeza yang direalisasikan di dalam pentadbiran negara.

⁴⁵ R.S. Milne & Diane K. Mauzy, *Malaysian Politics under Mahathir* (London: Routledge, 1999), 84-86.

⁴⁶ Maklumat lanjut berkaitan Islam Hadhari sila rujuk Abdullah Ahmad Badawi, *Islam Hadhari Approach: Towards A Progressive Islamic Civilisation* (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 2007).

⁴⁷ Maklumat lanjut berkaitan 1Malaysia sila rujuk laman sesawang utama: www.1Malaysia.com.my, 4 Jun 2011.

Kedua - Faktor Isu-isu antara agama: Di antara isu-isu besar antara agama (Islam-Kristian) yang berlaku dalam lingkungan masa kajian dan masih diperbahaskan sehingga ke hari ini adalah seperti (a) berkait rapat dengan pentadbiran agama, (2) pelaksanaan undang-undang atau polisi kerajaan yang memberi kesan terhadap agama seperti pembinaan rumah ibadah, sistem mahkamah sivil dan shariah, isu penukaran agama, (3) isu penggunaan terminologi al-Qur’ān dan bahasa ‘Arab, dan (4) isu dakwah kepada agama lain secara langsung dan tidak langsung. Isu-isu yang dinyatakan di atas adalah amat penting kerana ia mempunyai pemberat (*weightage*) tersendiri dalam mencorakkan hubungan antara agama dan masyarakat di Malaysia dan seterusnya menyumbang maklumat serta data yang penting dalam kesempurnaan penyelidikan yang akan dijalankan.

Ketiga - Faktor pelaksanaan program seminar dan dialog antara agama: Terdapat satu kajian kes yang dijalankan kepada 2 organisasi yang menjadi organisasi peneraju (*leading organisation*) dalam program atau aktiviti bercorak dialog peradaban dan dialog antara agama dan etnik di Malaysia.⁴⁸ Penyelidikan tersebut bermula pada 1980 dan berakhir pada 2003. Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa program atau aktiviti dialog peradaban dan dialog antara agama dan etnik yang dianjurkan secara aktif oleh kedua-dua organisasi tersebut adalah sekitar tahun 1998 oleh *Inter-Faith Spiritual Fellowship* (INSaF) dan sekitar tahun 1997 oleh Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya.⁴⁹ Hasil kajian juga menunjukkan bahawa kehadiran masyarakat Islam ke program-program seminar mahupun dialog antara agama yang dijalankan tidak menggalakkan berbanding masyarakat bukan Islam.⁵⁰ Oleh itu penulis membuat kesimpulan bahawa pada sekitar 1997- 2003 tahap kefahaman mahupun kesedaran tentang dialog peradaban mahupun dialog antara agama masih di tahap awal dan

⁴⁸ Khairulnizam Mat Karim, “Realiti Aplikasi Dialog Antara Agama di Malaysia”.

⁴⁹ *Ibid.*, 98-99 dan 112-116.

⁵⁰ *Ibid.*, 143.

sehingga tahun 2010 (tempoh akhir kajian yang akan dijalankan) kefahaman dan penerimaan masyarakat terutama pemimpin-pemimpin agama (sebagaimana responden utama kajian) merupakan perkara yang akan diambil perhatian serius untuk dinilai.

Keempat - Faktor senario Global⁵¹: Tragedi runtuhannya Menara Berkembar Pusat Dagangan Dunia (*World Trade Centre*) dan Pentagon (Kementerian Keselamatan Amerika Syarikat) pada 11 September 2001 turut memberi kesan besar kepada suasana hubungan antara agama di peringkat global secara umum dan di Malaysia⁵² secara khusus. Peningkatan sikap prejudis dan salah faham terhadap masyarakat Islam turut meningkat. Ini berpunca daripada pelaku peristiwa tersebut adalah beragama Islam dan seterusnya agama Islam secara khusus telah dilabel sebagai agama yang menggalak kepada keganasan. Maka dengan peristiwa tersebut senario di Malaysia turut menerima impak yang sama. Oleh itu sesi-sesi penerangan dan dialog antara agama giat dilaksanakan oleh badan-badan bukan kerajaan dan institusi pengajian awam dengan bertujuan untuk mengurangkan salah faham terhadap agama Islam dan juga masyarakatnya.⁵³ Selain itu peningkatan pelaksanaan program dan aktiviti yang menggalakkan kepada kepentingan perpaduan, keamanan, keadilan di Malaysia turut dilaksanakan. Maka pada pandangan penulis tempoh masa yang dicadangkan untuk penyelidikan ini amat bersesuaian kerana ketika ini⁵⁴ aktiviti ke arah dialog antara agama sedang berkembang sama ada dari aspek pelaksanaan mahupun sebaran informasi kepada masyarakat di Malaysia secara umum dan penganut Islam dan Kristian secara khusus.

⁵¹ Azizan Baharuddin, "The Role of Civilisational Dialogue in Peace Education" (Kertas Kerja Seminar yang bertemakan "*Issues and Challenges for Conflict Resolution in Malaysia*", Hotel Northam, Pulau Pinang, 7 – 9 November 2001), 1 – 3.

⁵² Khairulnizam Mat Karim, "Realiti Aplikasi Dialog Antara Agama di Malaysia", 129. Maklumat berkaitan peristiwa tersebut telah dirujuk di Utusan Malaysia, bertarikh 12, 13 dan 14 September 2001 halaman Muka Hadapan. (Keratan akhbar harian ini diperolehi daripada simpanan penulis sewaktu menjalankan kajian berkaitan dialog antara agama sebelum ini).

⁵³ *Ibid.*, 130

⁵⁴ Ketika kajian ini dijalankan iaitu pada awal tahun 2011.

5. Kepentingan kajian

Pengkaji melihat kepentingan kajian adalah berdasarkan pertimbangan berikut:

1. Hasil kajian ini akan dapat membantu untuk mengenal pasti ruang-ruang yang harus diperbaiki terutama oleh Pemimpin Agama Islam dan Kristian di Malaysia sebagai persiapan dan panduan kepada mereka yang ingin melibatkan diri secara langsung dalam aktiviti dialog antara agama.
2. Pemimpin-pemimpin agama mampu untuk mengetahui ciri-ciri pendialog yang sesuai untuk mewakili agama masing-masing dalam dialog antara agama.
3. Kajian ini penting kerana akan dapat melihat secara langsung kesan-kesan (positif-negatif hubungan Pemimpin Agama Islam – Kristian khususnya) daripada pemahaman atau ketidakfahaman konsep asas dialog antara agama. Oleh itu teori ini akan dapat membantu merangka perancangan masa depan secara objektif.
4. Kajian ini juga amat penting untuk melihat tren kefahaman Pemimpin Agama (Islam-Kristian) sama ada kefahaman itu dipengaruhi oleh faktor-faktor tertentu seperti (1) Tahap Pendidikan/Pendidikan Agama/Proses Pendidikan, (2) Pengalaman dalam dialog antara agama, (3) Tahap Keagamaan, (4) Tuntutan Semasa (Organisasi), (5) Faktor Politik, dan (6) Faktor Prestij. Oleh itu satu teori Model Dialog Antara Agama di Malaysia boleh dikaji dengan berlandaskan kepada kepelbagaian agama di Malaysia.

5. Hasil kajian ini juga penting dalam konteks hubungan antara agama (terutama Islam-Kristian) di Malaysia kerana kefahaman terhadap disiplin dialog antara agama akan membantu kepada penyelesaian konflik agama, membentuk mekanisme perkongsian hidup bersama dalam proses menyemai toleransi dan perpaduan dalam masyarakat majmuk di Malaysia.

6. Hasil kajian ini akan memberi input baru kepada pihak kerajaan seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) serta Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional(JPNIN). Ini adalah kerana di bawah kementerian ini telah ditubuhkan Jawatankuasa Untuk Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama bagi membantu kerajaan dalam hal-hal kepelbagaian agama dan kaum di Malaysia. Dengan maklumat ini kementerian akan dapat merangka strategi dan perancangan yang lebih tersusun, efektif dan objektif dalam mengurangkan konflik agama di Malaysia dalam membantu mewujudkan perpaduan di kalangan masyarakat berbilang agama, bangsa dan budaya terutama dalam pemilihan wakil agama dalam siri-siri dialog antara agama dan secara khusus dialog penyelesaian konflik.

7. Hasil kajian ini akan turut menyumbang kepada literatur terutama dalam disiplin ilmu sosio-agama seperti perbandingan agama, kajian hubungan etnik, Antropologi dan Sosiologi Agama dan Pemikiran Islam Kontemporari.

6. Kajian literatur

a) Perbahasan Konsep Dialog dan Dialog Antara Agama

Perbahasan awal berkaitan pendefinisian dialog telah banyak dihuraikan dalam sumber-sumber akademik. Pendefinisian ini amat penting adalah kerana untuk “...memaparkan dan melihat unsur-unsur yang wujud dalam definisi perkataan dialog dalam penggunaan istilah bahasa. Oleh itu kesimpulan atau definisi tepat akan dapat dibuat dengan lebih jelas.”⁵⁵ Di antara kesimpulan⁵⁶ pendefinisian yang dapat dipaparkan dalam kajian literatur awal ini adalah merangkumi beberapa perkara; “(1) Dialog adalah perbualan, perbincangan, persidangan antara dua pihak atau lebih.⁵⁷ (2) Dialog berlaku dalam suasana yang formal dan terancang.⁵⁸ (3) Di dalam pelaksanaan dialog wujud perbezaan pendapat, pandangan dan idea terhadap perkara yang dibincangkan di antara pihak-pihak yang terlibat.⁵⁹ (4) Dialog berlangsung dengan keadaan terbuka, terkawal serta wujud rasa hormat. (5) Tujuan dialog adalah untuk mendengar, mempelajari, mengetahui dan bertukar-tukar pandangan sama ada bermanfaat untuk semua yang terlibat atau pihak-pihak tertentu. (6) Selain itu di dalam aspirasi pendefinisian Islam definisi dialog dilihat amat komprehensif. Ini adalah kerana definisi melibatkan keseimbangan akal, penekanan kepada konsep mengakui kesilapan untuk mencapai kebenaran di dalam berdialog.⁶⁰ Definisi juga diasaskan kepada mesej dan panduan Islam yang terangkum di dalam asas-asas berdialog.”⁶¹

⁵⁵ Khairulnizam Mat Karim & Suzy Aziziyana Sali. “*Dialog Antara Agama*”, 4.

⁵⁶ *Ibid.*, 7-8

⁵⁷ *Kamus Dwibahasa*, cet. ke-13 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa, 1999), 357; *Global Encyclopedia*, ed. ke-5 (Kuala Lumpur: Smart Genie Corporation Sdn.Bhd., 2001), 120.

⁵⁸ Angelo S. Rappoport, ed., *Encyclopedia Dictionary of The World*, cet. ke-4 (New Delhi: Akashdeep Publishing House, 1989), 17; *The New Encyclopaedia Britannica*, cet. ke-15 (Chicago:Encyclopedia Britannica Inc., 2000), 4:63.

⁵⁹ *Ibid.*

⁶⁰ Abdul Aziz Altwaijri, “*Dialogue and Civilizational Interaction from an Islamic Perspective*”, 8-9.

⁶¹ Asas-asas dialog adalah seperti (1) definisi, (2) tujuan, (3) prinsip, (4) panduan dan (5) peraturan dialog antara agama. Analisis konsep asas dialog antara agama telah dibangunkan dan dihuraikan oleh

Manakala dari aspek aplikasi pengistilahan turut amat penting untuk difahami. Ini adalah kerana kefahaman teori sahaja tidak memadai untuk memastikan pelaksanaan dialog berjalan dengan lancar. Di antara sarjana Muslim yang menyumbang konsep aplikasi dialog antara agama adalah Ibn Hazm. Beliau menerangkan bahawa untuk memahami agama lain metodologi *dialectical-dialogical*⁶² harus diaplikasi. “Metode ini bukan hanya bertujuan untuk merekod atau melapor sebagaimana yang dilakukan oleh ahli sejarah moden dan juga antropologis moden tetapi tujuannya adalah untuk mengkaji secara fakta sesuatu agama tersebut dengan memahami persepsi penganut, kehidupan serta perbezaan seluruh aspek yang wujud dalam sejarah atau ketamadunan sesuatu agama seperti kepercayaan, pegangan, budaya, kitab suci. Semua ini akan melahirkan kebenaran setiap agama yang dikaji. Dari sini ketepatan kajian akan dapat dicapai dan aspek bias dan prejudis akan dapat dielakkan.”⁶³

Di antara sarjana lain adalah Hasan Askari⁶⁴, John Alembillah⁶⁵ dan Syed Z.Abedin.⁶⁶ Dalam menerangkan pengaplikasian dialog antara agama mereka menitikberatkan etika dan adab berdialog seperti harus bersikap terbuka, tidak bersikap prejudis, tidak taasub dan bersikap objektif berdasarkan fakta sesuatu agama. Selain itu perbincangan dialog juga harus difokuskan juga kepada isu-isu lain seperti isu-isu sosial, ekonomi, pendidikan, politik dan sebagainya. Pandangan ini juga turut diutarakan oleh sarjana di Malaysia iaitu Dr. Kamar Oniah. Beliau menyatakan “*Interfaith dialogue should be a platform to know more about each other, to learn from*

Khairulnizam dengan lengkap di dalam tesis sarjana beliau di dalam Bab 1 : Dialog Antara Agama: Analisis Konseptual. Maklumat lanjut lihat Khairulnizam Mat Karim, “Realiti Aplikasi Dialog Antara Agama di Malaysia”, 54-69.

⁶² Ghulam Haider Aasi, *Muslim Understanding of Other Religion: A Study Of Ibn Hazm’s Kitāb al-Faṣl fī al-Milal wa al-Ahwā’ wa al-Nihal* (Pakistan: Islamic Research Institute Press Islamabad., 1999), 77.

⁶³ Khairulnizam Mat Karim & Suzy Aziziyana Sali. “*Dialog Antara Agama:*”, 16.

⁶⁴ Charles Anthony Kimball, “Striving Together in The Way of God: Muslim Participation in Christian-Muslim Dialogue”, (Tesis Doktor Teologi, Universiti Harvard, 1987), 237-238.

⁶⁵ John Alembillah Azumah, *The Legacy Of Arab-Islam In Africa: A Quest for Inter-Religious Dialogue* (Oxford: Oneworld Publication., 2001), 171-172

⁶⁶ Syed Z. Abedin *et al*, “Kaum Beriman dan Peningkatan Saling Percaya”, terj. Ali Noer Zaman, *Dialog Muslim-Kristen: Dulu, Sekarang, Dan Esok* (Yogyakarta: Penerbit Qalam., 2000), 65.

each other, to set up rapport and establish respect for one and all”⁶⁷. Beliau juga menambah “*Interfaith dialogue can also be a platform to chart out common plans and initiate actions for the common good of all and sundry. In such cases, common and universal values should be highlighted and reaped for the purposes of co-operation and initiatives for the whole humanity.*”⁶⁸

Terdapat persamaan dan perbezaan pandangan daripada penulis-penulis Kristian mahupun organisasi Kristian dengan sarjana Muslim. Vatican II telah menekankan terhadap mengenali antara satu sama lain terlebih dahulu sebelum dialog berjalan. Di samping itu turut menekankan aspek *seeking knowledge* atau lebih tepat memahami dan mendalami ilmu agama-agama lain dengan menghormati mereka sebagaimana agama lain memahami dan meyakini agama mereka sendiri.⁶⁹ Pandangan Vatican II ini juga turut disokong oleh Majlis Gereja Sedunia.⁷⁰ Selain itu terdapat penulis Kristian seperti John Scott tidak bersetuju untuk menjadikan persoalan teologi dan kitab agama dijadikan fokus perbincangan dialog. Beliau telah menyebut, “*God is not to be discussed or debate....Believing what we do about God, we cannot in any circumstances allow Him to become a subject for discussion or debate or investigation....as if He were but a philosophical proposition. And same goes for the Gospel: the Gospel is suitable for proclamation, not for amiable discussion.*”⁷¹ Beliau juga turut menyenaraikan beberapa sebab untuk meneruskan pelaksanaan dialog iaitu dialog adalah tanda kebenaran (*authenticity*), kerendahan hati (*humility*), keikhlasan dan kejujuran

⁶⁷ Lihat Kamar Oniah Kamaruzaman, “Inter-faith dialogue: moving forward; setting premises and paradigms”, dalam *Religion and Pluralistic Co-Existence, The Muhibbah Perspective* (A Collection of Seminar Papers, (t.tp: IIUM Press, 2010), 131.

⁶⁸ *Ibid.*

⁶⁹ Maklumat lanjut rujuk, Cornelius, Mereweather-Thompson, *Christian Approaches To Dialogue With Other Faith Communities* (Lewiston: Mellen University, 1995), 15; Leonard Swidler, “Religious Pluralism and Ecumenism from a Christian Perspective”, dalam *Religious Issues and Interreligious Dialogue: An Analysis and Sourcesbook of Developments Since 1945*, et al. eds. Charles Wei-hsun Fu (New York: Green Press., 1989), 336-338.

⁷⁰ *Ibid.* Cornelius, Mereweather-Thompson, “*Christian Approaches To Dialogue With Other Faith Communities*”, 8.

⁷¹ Untuk maklumat lanjut rujuk, John Stott, *Christian Mission in The World* (London: t.p, 1975), 59

(*integrity*) dan kepekaan (*sensitivity*). Beliau turut menyatakan, “*a Christian dialogue with another implies neither a denial of the uniqueness of Christ, nor any loss of his own commitment to Christ, but rather that a genuine Christian approach to others must be human, personal, relevant and humble. In dialogue we share our common humanity, its dignity and fallenness, and express our common concern for that humanity*”.⁷² Manakala *World Council of Churches* pula turut memberi fokus isu-isu dialog terhadap, (1) isu-isu agama (*issues of religion*), (2) perundangan dan masyarakat (*law & society*), (3) isu hak asasi (*human right*), (4) kebebasan beragama (*freedom of religion*), (5) misionari dan dakwah (*missionary & da'wah*) dan (6) *communal tension*.⁷³

Kesimpulan ringkas yang dapat dinyatakan di sini berdasarkan maklumat di atas adalah kerangka pemahaman dialog antara agama tidak tertakluk kepada satu kerangka pemahaman sahaja tetapi turut dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Antara faktor yang disimpulkan oleh pengkaji dahulu adalah (1) sejarah hubungan antara agama, (2) pemahaman yang mendalam terhadap tradisi agama, (3) pemahaman, pengalaman serta penglibatan seseorang tokoh dalam aktiviti dialog antara agama, (4) keadaan dan tuntutan semasa (faktor politik negara), (5) hubungan konteks semasa dan (6) suasana global.⁷⁴ Oleh itu penulis berpandangan adalah amat penting bagi pendialog atau wakil setiap agama untuk memahami dengan jelas konsep-konsep asas dialog antara agama sebelum terlibat secara serius dalam dialog antara agama dan secara khusus dialog penyelesaian konflik.

⁷² *Ibid.*

⁷³ Documentation: Striving Together in Dialogue: a Muslim-Christian call to reflect and action, *Islam and Christian-Muslim Relation*. Jil.12 . Bil.4 (Dokuman ini telah diterbitkan oleh World Council of Churches,2001); Rujuk juga Douglas Prat, “The World Council of Churches in Dialogue with Muslim: Retrospect and Prospect”, *Islam and Christian-Muslim Relation*. 20(1)(2009), 33.

⁷⁴ Khairulnizam Mat Karim & Suzy Aziziyana Sali. “*Dialog Antara Agama*”, 21.

b) Perspektif Islam: Pelaksanaan Dialog Antara Agama oleh Rasulullah S.A.W

Beberapa kesimpulan telah dibuat oleh pengkaji sebelum ini dalam menerangkan pemahaman dialog sebagaimana yang dihuraikan di dalam Al-Qur'an⁷⁵ dan pelaksanaan oleh Rasulullah S.A.W iaitu yang melibatkan tiga peringkat iaitu (1) dialog, (2) debat dan (3) mubāhalah.⁷⁶ Di antara kesimpulan tersebut adalah:

“(1) Dialogue practised by Prophet Muhammad (p.b.u.h) is ‘dialog pendakwahan’ or ‘islamization dialogue’ – dialogue used to propagate the truth on Allah’s revelation and inviting the non-believers to belief in the oneness of Allah. (2) Dialogue (islamization dialogue) is built of several stages which are: (1) dialogue, (2) debate, (3) mubāhalah (swearing with one’s life). (3) At the dialogue stage, Prophet Muhammad (p.b.u.h) tends to be nice, polite, calm, emotionless and continuously propagating Allah’s message through Quranic verses even though others bad-mouth him. (4) On top of that, Prophet Muhammad has stimulated the thinking of the Jews on the truthfulness of Allah by reminding them on Allah’s condemn on earlier community as examples so that they will not turn their back from Prophet’s teaching as mentioned in Sūrah Fuṣṣilat verses 1-18. This is in vein with the definition of dialogue presented earlier. (5) Once the polemic reached its peak; the outgrown number of pretenders and liars among the Jews (Al-Baqarah (2):2-89), Allah reminded Prophet Muhammad to be strict and strong in propagating his message and debate should be applied to uphold the truth as what had happened between Prophet Muhammad and the Jews and Christians in Sūrah Al-Baqarah (2):136-141 and Āli-‘Imrān (3):64-68 (6) Mubāhalah is the last option where Prophet placed a little bit of threat on the Jews and Christians due to their boastfulness and ego in accepting the truth. This application is chosen once Prophet has done it nicely, politely, full of tolerance and they did not work and it pose a threat to the message propagate by Prophet Muhammad as in Sūrah Āli-‘Imrān (3):64”

Maka pengkaji terdahulu telah membuat kesimpulan bahawa keputusan penggunaan kaedah dialog, debat dan bersumpah maut (mubāhalah) yang dipilih oleh Nabi Muḥammad S.A.W adalah berdasarkan kepada beberapa keadaan dan situasi iaitu

⁷⁵ Khairulnizam & Suzy Aziziyana Sali, “Inter-Faith Dialogue: The Qur’ānic And Prophetic Perspective”, *Journal of Usuluddin Bil.* 29(2009), 71-76. (Di antara ayat-ayat tersebut: Sūrah an-Nahl (16) :125, Sūrah al-‘Ankabūt (29):46, Sūrah al-Hajj (22):8, Sūrah al-Anfāl (8):6, Sūrah al-Mujādilah(58): 1, Sūrah al-Kahfi(18):34-37, Sūrah Maryam(19):41-48.

⁷⁶ *Ibid.*, 89-90.

“(1) defending Islam as a true religion from ill-words and threats, (2) either a muslim or non-muslim country, (3) numbers of Muslims and their strength, (4) either it is a threat to the believers or not as happened in Madīnah, (5) either they (the Jews & Christians) were really searching for the truth of Prophet Muhammad’s (p.b.u.h) message or did they have hidden agenda; to create doubt and misunderstanding among Muslims.”⁷⁷

Walaupun bagaimanapun dalam konteks Negara Malaysia, pengkaji tetap mempunyai pandangan bahawa kaedah dialog agama adalah yang paling tepat untuk diaplikasi walaupun pada latarbelakang di atas menunjukkan dari sudut realitinya sepertimana berlaku di Malaysia ia masih belum dapat diyakini. Kesesuaian dialog untuk dilaksanakan di Malaysia adalah berdasarkan kepada beberapa faktor di antaranya; (1) kebebasan beragama sebagaimana termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia (walaupun isu Artikel 11 Perlembagaan Malaysia ini juga merupakan punca kepada timbulnya isu-isu antara agama di Malaysia) dan (2) kewujudan keamanan dan kesejahteraan dalam pelbagai aspek kehidupan yang dibentuk dan dipelihara bersama setiap penganut agama di Malaysia. Oleh itu pada pandangan penulis debat dan sumpah maut amat tidak sesuai dilaksanakan dalam suasana Negara Malaysia yang berbilang agama, bangsa dan budaya terutama ke arah rakyat Malaysia yang bersatupadu. Walaupun bagaimanapun ketiga-tiga aplikasi; Dialog, Debat dan Sumpah Maut (Mubāhalah) harus menjadi dasar/asas/panduan kepada mereka yang ingin terlibat secara serius dalam aktiviti dialog antara agama .

⁷⁷ *Ibid.*, Khairulnizam & Suzy Aziziyana Saili, “Inter-Faith Dialogue :” 90.

c) Senario Hubungan Antara Agama di Malaysia

Secara umum untuk penyelidikan ini isu-isu yang melibatkan antara agama di Malaysia adalah isu seperti (1) berkait rapat dengan pentadbiran agama, (2) pelaksanaan undang-undang atau polisi kerajaan yang memberi kesan terhadap agama seperti pembinaan rumah ibadah, sistem mahkamah sivil dan syariah, isu penukaran agama, (3) isu penggunaan terminologi al-Qur'ān dan bahasa 'Arab, (4) isu pengkebumian saudara baru, (5) isu dakwah kepada agama lain secara langsung dan tidak langsung, (6) isu kefahaman agama dan adat resam.

Di antara hasil kajian oleh Amini Amir⁷⁸ berkaitan respon bukan Muslim terhadap pelaksanaan kebebasan beragama di Malaysia telah menunjukkan bahawa masyarakat bukan Muslim masih lagi ragu-ragu terhadap pelaksanaan hak kebebasan beragama yang termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia. Ketakutan mereka adalah disebabkan kurangnya penjelasan dan perbincangan dua-hala daripada pihak berwajib (berautoriti). Selain itu respon negatif ini juga wujud adalah disebabkan salah faham dan salah tafsir terhadap ajaran Islam terutama apabila melibatkan polisi, dasar atau gagasan yang dicadangkan atau dilaksanakan oleh kerajaan. Sebagai contoh Pelaksanaan Dasar Islamisasi pada tahun 1982 dan juga Gagasan Islam Hadhari pada 2003⁷⁹ secara khusus dan inisiatif-inisiatif kerajaan yang berkaitan dengan agama dan masyarakat Islam di Malaysia. Perkara ini juga turut disentuh oleh Khadijah Mohd Khambali @ Hambali

⁷⁸ Amini Amir, "Islamic Revivalism, Religious Freedom and the Non-Muslims in Malaysia: A Preliminary Discussion", *Pertanika Journal Social Sciences & Humanities* 11(2) (2003), 119-134.

⁷⁹ Ismail Ibrahim, "Islam Hadhari dan Pembangunan Islam di Malaysia" (Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Islam Hadhari yang dianjurkan oleh Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya pada 24-25 November 2004, di Dewan Kuliah Utama Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya). Dalam membenteng kertas kerja ini Dr. Ismail Ibrahim telah mengutarakan bahawa semenjak munculnya persoalan Islam Hadhari masyarakat bukan Islam telah mula risau terhadap agenda yang akan dilaksanakan oleh pihak kerajaan terutama kesan terhadap masyarakat bukan Islam.

dan Mohd Herzali⁸⁰ dalam kajian mereka berkaitan Toleransi Beragama dengan merujuk kepada Artikal 11(1) Perlembagaan Persekutuan dan Ghazali Basri⁸¹ dalam kajian beliau pada tahun 1987. Walaubagaimanapun isu-isu ini masih berulang sehingga berlakunya konflik. Dalam kajian lain Ab. Aziz⁸² berkaitan perasaan masyarakat bukan muslim terhadap laungan azan dan aktiviti masjid di Selangor didapati bahawa kebanyakan mereka tidak terganggu dengan laungan suara dan aktiviti yang berjalan. Perkara ini berlaku adalah disebabkan sifat positif masyarakat Muslim setempat dan wujudnya proses menjemput masyarakat bukan Muslim untuk turut serta dalam aktiviti yang dijalankan. Ini akan membuka ruang kepada kefahaman tentang Islam yang sebenar. Hasil kajian di atas telah menunjukkan bahawa ada ruang dialog untuk dilaksanakan bagi menerangkan sesuatu fakta untuk mengelak terjadinya konflik.

Khairulnizam⁸³ di dalam kajian beliau, turut menjelaskan reaksi bukan Muslim terhadap polisi yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan terutama Polisi Islamisasi. Di antara reaksi negatif yang dilontarkan oleh pimpinan Kristian adalah daripada Reverend Paul Tan. Beliau menyatakan bahawa Dasar Islamisasi ini bukan hanya menyuntik nilai-nilai Islam ke dalam pentadbiran kerajaan tetapi secara tidak langsung akan menyerap ke dalam diri individu setiap pekerja kerajaan sama ada beragama Islam mahupun bukan Islam. Pada pandangan beliau melalui proses tersebut akan berlakunya penyemaian prinsip-prinsip Islam ke dalam kehidupan masyarakat bukan Islam.⁸⁴

⁸⁰ Khadijah Mohd Khambali@Hambali dan Mohd Herzali Mohd Haled, "Toleransi Beragama Dan Amalannya Di Malaysia: Rujukan Kepada Artikal 11 Perlembagaan Malaysia", *Jurnal Usuluddin*, Bil 27 (2008), 81-92.

⁸¹ Ghazali Basri, "A Comparative Study on Religious Tolerance in Post -Independence Malaysia and Nigeria with Special Reference to Christian and Muslim Relation".(Tesis Dr. Falsafah, University Aberden, 1987), 274-275.

⁸² Ab. Aziz Mohd Zin et al . "Perasaan Orang Bukan Islam Terhadap Laungan Suara, Baca dan Aktiviti Masjid di Negeri Selangor Darul Ehsan", *Jurnal Usuluddin*, Bil 27(2008),109-119.

⁸³ Khairulnizam Mat Karim "Realiti Aplikasi Dialog Antara Agama di MalaysiaKajian Inter-Faith Spiritual Fellowship (INSaF) dan Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya".(Disertasi Ijazah Sarjana Usuluddin, Jabatan Aqidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2005), 81-83.

⁸⁴ *Ibid.*

Reaksi lain seperti daripada Lim Kit Siang yang mengkritik isu berkaitan dengan pembinaan Malaysia sebagai Negara Islam dan pelaksanaan Hudud.⁸⁵ Di antara isu-isu lain yang turut dibangkitkan oleh masyarakat bukan Muslim adalah (1) pelaksanaan Syariah, (2) penggunaan al-Kitab menggantikan Bible, (3) peruntukan tapak rumah-rumah ibadah, (4) hak penyiaran dan dasar pendidikan kerajaan.⁸⁶ Fakta yang menarik untuk diperhalusi dan amat relevan dengan kajian yang akan dijalankan adalah peranan besar yang dimainkan penganut Kristian dalam mengetuai protes dan penentangan terhadap pelaksanaan dasar ini.⁸⁷

Di dalam satu kajian lain yang dijalankan oleh Ghazali Basri⁸⁸ berkaitan hubungan sosial dan toleransi masyarakat Islam dan Kristian yang difokuskan kepada Imam dan Paderi, telah menunjukkan bahawa interaksi di antara Imam dan Paderi di Malaysia amat rendah berbanding hubungan dan interaksi Imam dan Paderi di Nigeria. Di antara faktor menyumbang ke arah itu adalah lokasi tempat bekerja menghadkan interaksi mereka. Kebanyakan Imam di peringkat Pusat Bandar, Negeri dan Daerah adalah penjawat kerajaan. Mereka diberikan penempatan atau kuarters di kawasan masjid. Di antara tugas mereka adalah mengetuai sembahyang fardhu, menyempurnakan upacara akad nikah, mengajar al-Qur'an dan melaksanakan tanggungjawab masyarakat seperti menguruskan jenazah. Oleh itu aktiviti sosial mereka hanya terhad di kalangan masyarakat Muslim sahaja. Ini amat berbeza sebagaimana di Nigeria. Hubungan dan interaksi di antara Imam dan Paderi berlaku setiap hari dan amat tinggi. Ini adalah kerana kebanyakan mereka bekerja sendiri seperti peniaga. Manakala

⁸⁵ Lim Kit Siang, *Selected Speeches & Press Statement* (Petaling Jaya: Democratic Action Party, 1992), 210-211.

⁸⁶ Nazaruddin Hj. Mohd Jali et al., *Pengajian Malaysia: Kenegaraan dan Kewarganegaraan*, cet. ke-2 (Petaling Jaya: Prentice Hall, 2001), 323-324.

⁸⁷ Khairulnizam Mat Karim, "Realiti Aplikasi Dialog Antara Agama di Malaysia", 55-56.

⁸⁸ Ghazali Basri, "A Comparative Study on Religious Tolerance", 272-273.

tanggungjawab sebagai Imam adalah pekerjaan separuh masa. Oleh itu hubungan dan interaksi mereka tidak terhad kepada satu kumpulan masyarakat sahaja.

Penulis berpandangan bahawa ini adalah salah satu praktis dialog harian di mana tidak wujud di Malaysia. Peluang interaksi begini seharusnya digunakan secara tidak langsung untuk menerangkan apa sahaja isu atau masalah yang timbul di kalangan kedua-dua masyarakat. Jika interaksi dan hubungan tidak berlaku oleh itu tidak akan wujud kesefahaman dan juga toleransi. Pada pandangan penulis seharusnya interaksi sosial di antara pemimpin agama seperti Mufti, Paderi, Sami dan sebagainya harus berlangsung sekerap mungkin dan bukan hanya bertemu apabila terdapat isu-isu antara agama. Ini adalah kerana peranan pemimpin agama di dalam setiap agama amat penting dan besar. Selain itu mereka juga berperanan mencorakkan pembangunan masyarakat yang diwakili terutama dalam isu-isu keagamaan. Oleh itu di antara golongan sasaran pengkaji di dalam kajian ini adalah termasuk pemimpin agama iaitu Mufti dan Paderi.

Salah satu lagi faktor yang disebut oleh Ghazali Basri di dalam kajian beliau sebagai pencetus konflik antara agama (terutama Islam-Kristian) adalah isu kebebasan agama (fokus kepada isu penukaran agama-murtad) sebagaimana yang termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia iaitu Artikul 11.⁸⁹ Beliau turut menyebut bahawa isu penukaran agama bagi masyarakat Muslim di Malaysia bukan hanya sekadar isu perlembagaan tetapi ia adalah isu Ummah. Walaupun dari sudut perlembagaan Artikul

⁸⁹ *Ibid.*, 274-275. Maklumat lanjut: Perlembagaan Persekutuan dalam Perkara 11 (Kebebasan Beragama), memperuntukkan bahawa setiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya. Setiap orang juga berhak untuk mengembangkan agamanya, tetapi tertakluk kepada Fasal (4) iaitu undang-undang negeri dan mengenai Wilayah Persekutuan, undang-undang persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa agama, iktikad atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganuti agama Islam. Seterusnya diikuti dengan Artikul 12 (Hak-hak dengan pelajaran) Fasal (4) iaitu ugama bagi seseorang yang berumur kurang daripada lapan belas tahun adalah ditetapkan oleh ibu bapa penjaganya. Maka dengan ini jika seseorang kanak-kanak telah mencapai umur lapan belas tahun mereka bebas untuk memilih agama masing-masing. Untuk maklumat lanjut sila rujuk *Perlembagaan Pesekutuan (Mengandungi Semua Pindaan 10 Julai 1990)*, disusun oleh Lembaga Penyelidikan Undang-Undang (Kuala Lumpur: International Law Book Services, 1990), 6-8. Rujuk juga L.A. Sheridan et al., *The Constitution Of Malaysia*, cet. ke-3 (Singapore: Malayan Law Journal (PTE.) LTD., 1979), 73-75.

160(2) kesannya adalah seperti hilangnya taraf kerakyatan dan bangsa Melayu. Dari sudut masyarakat pula berkemungkinan kehilangan keluarga dan disisih masyarakat setempat.⁹⁰ Di antara isu penukaran agama yang hangat diperbincangkan di Malaysia adalah Kes Murtad Azlina Jelani(Lina Joy) yang turut memberi banyak kesan kepada sistem perundangan dan implikasi masa depan masyarakat Muslim di Malaysia⁹¹, status dan peranan Islam di Malaysia serta implikasi terhadap Institusi-institusi di bawah naungan Raja-Raja Melayu.⁹² Perkara berkaitan Artikel 11(1) Perlembagaan Persekutuan ini juga turut disentuh oleh pengkaji lain seperti Khadijah Mohd Khambali@Hambali dan Mohd Herzali Mohd Haled. Mereka menyatakan bahawa,

“Daripada peruntukan ini, sudah jelas bahawa umat Islam dan penganut agama-agama lain bebas untuk mengikut dan mengamalkan ajaran agamanya masing-masing tertakluk kepada syarat bahawa tidak boleh melakukan sebarang bentuk tindakan penyebaran mana-mana ajaran agama terhadap umat Islam. Namun begitu hak keistimewaan yang telah dikecapi sekian lama ini sudah mula dicemari dengan campur tangan beberapa pihak yang berniat jahat untuk menggugat kedudukan agama Islam dan toleransi beragama di negara ini. Walaupun masalah sebegini pernah berlaku beberapa kali sehingga melibatkan institusi kehakiman sebelum ini, namun kes Lina Joy adalah masalah yang paling besar untuk ditangani setakat ini”.⁹³

⁹⁰ *Ibid.*

⁹¹ Maklumat lanjut berkaitan kes Lina Joy sila rujuk Julian C.H.Lee, *Islamization and Activism in Malaysia* (dalam bahagian 4 yang bertajuk: Conflict of Jurisdiction: Civil versus Syariah Law). (Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2010), 62-73.

⁹² Rujukan telah dibuat pada lawan sesawang Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). <http://www.abim.org.my/web/modules/news/articles.php?storyid=730>, 6 Mei 2007. (Koleksi yang ada pada penulis adalah berbentuk salinan bercetak. Ia diperolehi semasa menjalankan kajian berkaitan isu-isu antara agama).

⁹³ Khadijah Mohd Khambali@Hambali dan Mohd Herzali Mohd Haled, “Toleransi Beragama Dan Amalannya Di Malaysia.”, 81-92

d) Hubungan Muslim-Kristian dan Pelaksanaan Dialog

Terdapat beberapa artikel yang dapat dianalisa di dalam literatur ini berkaitan hubungan Muslim-Kristian dan dialog sebagai mekanisma yang diaplikasi untuk meredakan, menyelesaikan konflik antara agama atau membentuk kesepaduan antara masyarakat yang pelbagai. Di antara negara yang dianalisa adalah German, Afrika, Australia, Amerika, Nigeria dan Indonesia. Walaupun setiap negara mempunyai konflik agama di bawah cara urus tadbir negara yang berlainan tetapi ke semua pengkaji di atas telah menghuraikan bahawa dialog antara agama adalah jalan yang terbaik untuk menyelesaikan konflik antara agama. Di antara sebabnya adalah kerana dialog dapat; (1) memupuk persefahaman antara agama, (2) mereda dan menyelesaikan konflik, (3) meningkatkan proses kenalpasti persamaan dan berbezaan, (4) meningkatkan jalinan kemanusiaan dan (5) dapat meningkatkan perpaduan.

Di Negara Jerman⁹⁴ kajian oleh Douglas Pratt & Barbara Gob menghuraikan bahawa dialog antara agama ini dilihat sebagai yang bersifat politik-negara secara khusus dan bukan bersifat teologi atau keagamaan. Ini telah dinyatakan oleh pengkaji Broun; "...*The interreligious dialogue that is realistic and necessary in Germany is the socio-political , not the theological-scientific dialogue. The goal of this dialogue is getting to know each other, recognition of commonness and differences, and the elaboration of model solution for the shared problems in society.*"⁹⁵ Ini bermaksud matlamat hanya untuk mencapai perpaduan dan negara akan aman dan bukan sehingga menerima Islam secara objektif. Ini turut di nyatakan oleh Broun ... *The dialogue with Muslim can be one of many bridges to integration. If the specifically religious problems*

⁹⁴ Douglas Pratt & Barbara Gob, "Islam and Christian-Muslim Relations in Germany: Recent Developments and Continuing Issues", *Islam and Christian-Muslim Relation* 18(1)(2007), 43-65.

⁹⁵ Sila rujuk nota kaki dalam, Douglas Pratt & Barbara Gob. "Islam and Christian-Muslim Relations in Germany: ", 54.

of Muslim in society are respected, many Muslim can be motivated to even more integration”⁹⁶ Pandangan dan matlamat ini adalah jauh tersasar daripada tujuan dan matlamat keperluan dialog dilaksanakan. Oleh itu secara dengan jelas telah dinyatakan di dalam kajian ini bahawa masyarakat Jerman (Kristian) sendiri sebenarnya masih bersikap prejudis terhadap masyarakat Muslim. Maka ini adalah satu faktor kegagalan pelaksanaan dialog. Di antara antara faktor-faktor lain yang dinyatakan adalah; (1) masalah bahasa (komunikasi), (2) isu tanggapan bahawa dialog adalah satu misionari-kristian dan dakwah-Islam, (3) masalah kesukaran mendapat rakan pendialog (*dialogue partner*) daripada masyarakat Muslim dan (4) isu penolakan konsep pluralisma beragama yang dibawa oleh masyarakat Muslim. Dari aspek realiti dialog, pelaksanaannya telah sampai kepada masyarakat awam dan juga golongan muda. Walaubagaimanapun ia hanya dilihat dari aspek aktiviti dan bukan dialog sebenar iaitu yang melibatkan perbincangan teologi mahupun penyelesaian konflik.

Kajian di Afrika⁹⁷ oleh Jane Ellingwood turut menyatakan faktor kegagalan yang sama iaitu persoalan misionari-kristian dan dakwah-Islam serta isu pluralisma. Dari aspek pelaksanaan juga ia turut melibatkan masyarakat bawahan dan wujud dialog kehidupan. Selain itu wujud juga *scriptural based dialogue*. Walaubagaimanapun timbul beberapa masalah di mana mereka yang terlibat tidak mempunyai ilmu berkaitan kitab suci masing-masing. Ini akan menjejaskan proses kefahaman di kedua-dua belah pihak sama ada Muslim mahupun Kristian. Secara teorinya juga telah disebut bahawa mereka yang ingin terlibat di dalam dialog harus mempunyai ilmu yang cukup apatah lagi membincangkan persoalan kitab suci. Di samping itu ia harus terdiri dikalangan taraf yang sama. (Sebagai contoh dialog di antara pemimpin-pemimpin agama).

⁹⁶ *Ibid.*, 55.

⁹⁷ Jane Ellingwood, “The Programme for Christian –Muslim Relations in Africa (PROCMURA): An Evolutionary Perspective”, *The Muslim World*, 98 (2008), 72-94.

Manakala pelaksanaan dialog di Australia⁹⁸ turut dilihat sebagai pendekatan yang bersifat politik iaitu hanya untuk mencapai perpaduan dan integriti. Walaupun pelaksanaannya teratur iaitu melibatkan 3 peringkat iaitu (1) Institusi, (2) Organisasi dan (3) Jaringan (*Network*) tetapi penglibatan daripada kumpulan sasaran adalah tidak menggalakkan. Sebagai contoh gereja-gereja dan masjid tidak terlibat secara aktif⁹⁹ begitu juga kesukaran untuk mencari *speaker* atau panel-panel dialog di kalangan Muslim.¹⁰⁰ Selain itu wujud juga program-program dialog yang dianjurkan melibatkan orang awam yang berbentuk kumpulan yang mengambil masa selama 6 bulan untuk ditamatkan. Walaubagaimanapun kriteria untuk menyertai program tersebut adalah terbuka dan jika dirujuk kepada teori asas-asas dialog (berkaitan kriteria peserta) ia jauh tersasar. Maka secara teorinya ketidaktepatan perkongsian maklumat berkaitan hal-hal agama dalam sesi dialog akan berlaku. Selain itu isu pokok iaitu penyelesaian konflik tidak akan berjaya dicapai.

Pelaksanaan dialog antara agama yang berlangsung di Nigeria¹⁰¹ dan Indonesia¹⁰² ada sedikit persamaan. Faktor pelaksanaan dialog adalah disebabkan oleh konflik untuk melaksanakan undang-undang shari'ah di dalam pentadbiran negara yang digerakkan oleh pemimpin-pemimpin Muslim di mana masyarakat Kristian menentang pelaksanaan tersebut. Untuk meredakan konflik, sifat curiga, ketakutan kepada aktiviti Islamisasi mahupun Kristianisasi dan juga untuk menanam kefahaman antara kedua-dua agama, kedua-dua pemimpin agama iaitu Islam dan Kristian menggerakkan dialog antara agama. Dari aspek pelaksanaan dialog wujud beberapa peringkat iaitu dialog di

⁹⁸ Avril Anne Keely, "Beginning Christian-Muslim Dialogue in Western Sydney: Context and Practice", *Islam and Christian-Muslim Relations*, 17(4)(2006), 471-482.

⁹⁹ *Ibid.* Sila lihat nota halaman 476, sistem pengarang tarikh. (Cahill et al., 2004, 90).

¹⁰⁰ *Ibid.* Sila lihat nota halaman 476, sistem pengarang tarikh (Australian Intercultural Society, 2002, 11).

¹⁰¹ Hajiya Bilkisu Yusuf, "Managing Muslim-Christian Conflicts in Northern Nigeria: A Case Study of Kaduna State", *Islam and Christian-Muslim Relations*, 18(2)(2007), 237-256.

¹⁰² Alexander R. Arifianto, "Explaining the Cause of Muslim-Christian Conflicts in Indonesia: Tracing the Origins of *Kristenisasi* and *Islamisasi*", *Islam and Christian-Muslim Relations*, 20(1)(2009), 73-89.

antara pemimpin agama dan juga di peringkat masyarakat bawahan seperti penganjuran diskusi, seminar, konferen dan juga bengkel yang merangkumi perancangan jangka pendek dan jangka panjang. Situasi di Indonesia dan Nigeria ini mempunyai persamaan dari sudut konflik, isu dan cara penyelesaian yang telah dan sedang dirancang oleh kerajaan, badan-badan NGO Agama, Institusi-institusi agama sebagaimana berlaku di Malaysia. Walaubagaimanapun idea untuk melaksanakan *neutral policy* dalam pentadbiran kerajaan di Indonesia terhadap isu-isu agama, untuk tidak masuk campur dalam urusan dalaman agama seakan-akan ingin mengaplikasi pemerintahan bercorak *laissez-faire*¹⁰³ terutama terhadap organisasi-organisasi agama. Pada pandangan penulis seharusnya pendirian yang bercorak objektif adalah lebih baik dalam menangani hal-hal berkaitan agama.

Dalam kajian lain terhadap pelaksanaan dialog antara agama di Indonesia, Yasril Yazid¹⁰⁴ menyatakan bahawa di antara kegagalan pelaksanaan dialog antara agama di Indonesia adalah (1) sikap eksklusif di kalangan penggiat dialog, (2) kurangnya kefahaman terhadap doktrin asas-asas agama masing-masing, (3) wujudnya sikap ketakutan dalam dialog, (4) faktor sejarah hubungan antara agama, (5) dialog yang hanya melibatkan golongan cendekiawan dan tokoh elit masyarakat, (6) kurangnya motivasi melakukan dialog, (7) pendakwah kurang kefahaman terhadap konsep asas dialog, (8) kurang institusi, (9) wujudnya prasangka antara peserta dialog, (10) wujudnya ketidakadilan sosial dalam masyarakat serta (11) kurangnya melakukan dialog internal. Dalam penelitian penulis sebahagian besar faktor yang dinyatakan oleh pengkaji di atas terdapat persamaan dengan konteks dan situasi di Malaysia.

¹⁰³ Amalan atau doktrin untuk tidak masuk campur dalam setiap urusan terutama yang merujuk kepada urusan individu, mahupun hak kebebasan.

¹⁰⁴ Yasril Yazid, "Pro Kontra Dalam Pluralisme Agama: Kajian Terhadap Konflik Sosial Keagamaan dan Sikap Toleransi Beragama di Indonesia". (Tesis Doktor Falsafah Usuluddin, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2005), 402-421.

Di Amerika¹⁰⁵ dalam pencarian literatur awal ini terdapat dua situasi. Pertama pelaksanaan dialog sejurus selepas peristiwa 9-11 dan kedua perancangan masa depan dengan pendekatan *Pluralist-Dialogue Approach* berbanding *Faith-Based Pluralist Dialogue*. Pelaksanaan dialog selepas peristiwa 9-11 adalah sama seperti di negara-negara yang diuraikan di atas seperti wujudnya dialog antara pemimpin agama sama ada berbentuk diskusi dan seminar. Manakala untuk masyarakat awam aktiviti-aktiviti seperti bantuan kemanusiaan turut dirancang iaitu sebahagian daripada ciri-ciri dialog yang bersifat aktiviti. Secara umum tujuannya adalah untuk meningkatkan kefahaman antara agama terutama agama Islam dan mempromosi keamanan dan perpaduan. Isu-isu yang menjadi penghalang kelancaran pelaksanaan dialog seperti misionari-Kristian dan dakwah-Islam, isu pluralisma dan isu eksklusivisma sebagaimana berlaku di Jerman, Afrika, Nigeria dan Indonesia turut berlaku di Amerika. Walaubagaimanapun idea untuk melaksanakan dialog berkonsepkan *Pluralist-Based Dialogue* berbanding *Faith-Based Pluralist Dialogue* memerlukan penelitian yang mendalam terutama oleh masyarakat Islam. Ini adalah kerana ia bersangkutan paut dengan persoalan akidah. Paul D. Numrich menghuraikan bahawa "*Pluralist-Based Dialogue*)...would not require theological or ideological consent to the premises of faith-based pluralist dialogue." ¹⁰⁶

Walaupun tumpuan hanya untuk mempromosikan di kalangan masyarakat Kristian di Amerika sahaja tetapi ia akan memberi kesan dan akan mempengaruhi masyarakat atau wakil pendialog Islam apabila sesi dialog berlangsung.

¹⁰⁵ Paul D. Numrich, "Plan B in The Pluralist-Dialogue Approach to Religious Diversity In America", *Journal of Ecumenical Studies*, 43(4)(2008), <http://www.questia.com/library/journal/1G1-191854407/plan-b-in-the-pluralist-dialogue-approach-to-religious>, 2 March 2012; Liyakatali Takim, "From Conversion to Conversation: Interfaith Dialogue in Post 9-11 America", *The Muslim World*, 94(2004), 343-355.

¹⁰⁶ *Ibid.* Paul D. Numrich. "Plan B in The Pluralist-Dialogue Approach to Religious Diversity In America."

e) **Kajian Realiti Dialog Antara Agama di Malaysia.**

Secara jujurnya sukar untuk penulis mendapatkan kajian-kajian lapangan berkaitan pelaksanaan dialog antara agama di Malaysia terutama yang khusus atau berkaitan dengan pemahaman konsep dialog antara agama. Kebanyakan maklumat adalah bersifat kertas kerja *conceptual based, exploratory based, narrative or historical based* dan juga berdasarkan pandangan serta observasi keadaan semasa. Maka di dalam penyelidikan ini pengkaji hanya dapat merujuk kepada dua kajian yang telah dijalankan oleh Khairulnizam Mat Karim. Ini adalah kerana pada pemerhatian penulis kajian ini adalah kajian siap sepenuhnya di Malaysia yang menfokuskan kepada pelaksanaan dialog antara agama di Malaysia, meliputi sejarah dan juga realiti semasa iaitu dalam batasan kajian dalam tahun 1980 – 2003.¹⁰⁷ Kajian pertama iaitu *Realiti Aplikasi Dialog Antara Agama di Malaysia: Kajian Inter-Faith Spiritual Fellowship (INSaF)* dan Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya dan kajian kedua yang dijalankan pada awal tahun 2009 iaitu *Inter-Faith Dialogue in Malaysia: A Comparative Study on the Understanding Among the Practitioners and Its Effect to Muslim and Non-Muslim Relation.*¹⁰⁸

Metodologi yang digunapakai dalam kajian pertama adalah kajian kes dan kajian dokumentasi yang mana ia bersifat deskriptif. Beberapa kesimpulan penting dalam kajian pertama beliau yang berkait rapat dengan penyelidikan yang akan dijalankan adalah seperti;

1. **Faktor utama perlaksanaan dialog:** Faktor utama yang mendorong ke arah pelaksanaan dialog antara agama di Malaysia ialah disebabkan ketidakpuasan hati masyarakat bukan Muslim yang diketuai oleh pemimpin Kristian terhadap

¹⁰⁷ Khairulnizam Mat Karim, "Realiti Aplikasi Dialog Antara Agama di Malaysia:?"

¹⁰⁸ Kajian ini telah mendapat pembiayaan daripada Pusat Pengurusan Penyelidikan, Universiti Tenaga Nasional. Rujuk Lampiran 1.1

pelaksanaan Dasar Islamisasi oleh pihak kerajaan pada tahun 1982.¹⁰⁹ Manakala dialog antara agama pertama berlangsung pada tahun 1984 yang telah dianjurkan oleh Majlis Perundingan Agama-Agama Malaysia yang bertemakan *The Role of Religion In Nation Building*.¹¹⁰

2. **Penglibatan organisasi Islam dan Masyarakat Muslim:** Penglibatan organisasi Islam dan masyarakat Muslim adalah amat rendah berbanding organisasi dan masyarakat bukan Muslim terutama aktiviti dialog yang menjurus kepada persoalan dasar sesebuah agama seperti aspek teologi, doktrin dan amalan-amalan sesebuah agama. Di antara faktor ini adalah disebabkan oleh (a) kurangnya kefahaman tentang dialog dan kepentingannya di dalam masyarakat yang berbilang agama serta (b) kurangnya sikap keterbukaan masyarakat Muslim terhadap hubungan antara agama.¹¹¹

3. **Pemilihan Panel Dialog:** Pemilihan panel harus menyeluruh dan bukan hanya melihat kepada jawatan yang disandang di dalam organisasi yang diwakili tetapi meliputi ilmu dalam konsep asas dialog dan topik yang ingin dibincangkan.¹¹² Ini amat penting kerana sebagaimana yang dinyatakan oleh penulis di awal kajian ini, para pendialog adalah berfungsi sebagai agen. Oleh itu jika mereka tidak dapat memainkan peranan dengan baik ia akan memberi kesan kepada keseluruhan proses dialog dan juga akan memberi kesan langsung dan tidak langsung kepada hubungan masyarakat Muslim dan bukan Muslim.¹¹³

¹⁰⁹ Khairulnizam Mat Karim, "Realiti Aplikasi Dialog Antara Agama di Malaysia", 93

¹¹⁰ *Ibid.*, 94

¹¹¹ *Ibid.*, 177

¹¹² *Ibid.*, 172.

¹¹³ Dalam hal ini Dr. Kamar Oniah telah menegaskan bahawa memilih wakil yang *competent, knowledgeable and committed to their religion* adalah suatu yang sangat penting bagi melancarkan proses dialog. Beliau menyatakan, "*Since in interfaith dialogue the position of the religions on certain insusses are to be discussed, it is therefore imperative that the dialogue partners and participants be among those who are competent, knowledgeable and committed to their religions. This is to avoid misrepresentation of*

Di dalam kajian yang kedua ¹¹⁴ beliau telah memberi fokus kepada kefahaman Muslim dan bukan Muslim terhadap konsep asas dialog. Kajian ini merupakan kajian lapangan yang menggunakan soalan kaji selidik, di mana responden didapati secara *random* di kalangan ketua-ketua badan bukan kerajaan berasaskan agama. Keputusan mendapati bahawa mereka (panel dialog) yang benar-benar memahami tujuan dan konsep-konsep asas dialog antara agama dapat membina hubungan yang baik di samping menjauhi daripada sikap prejudis, salah faham dan salah tafsir terhadap sesuatu isu yang berlaku. Keputusan yang baik ini adalah bergantung kepada faktor; (1) latarbelakang pendidikan formal, (2) pengalaman pendialog dalam program-program dialog antara agama sama ada sebagai panel, penganjur mahupun peserta. Walaubagaimanapun terdapat kelemahan dari aspek; (1) skop kajian (responden) hanya difokuskan kepada Muslim dan bukan Muslim. Tiada pengkhususan bagi bukan Islam seperti Kristian, Buddha, Hindu mahupun penganut agama lain. Ini adalah disebabkan respon yang sedikit daripada responden terhadap soal selidik yang diedarkan iaitu 50 daripada 100 populasi. (2) Manakala fokus responden adalah ketua badan atau organisasi agama bertaraf badan bukan kerajaan (NGO) yang diklasifikasikan oleh pengkaji sebagai kumpulan pemimpin agama dan bukan pemimpin agama sebenar di peringkat nasional sama ada bagi agama Islam mahupun bukan Islam. (2) Model untuk

the religions, which will be disadvantage to both the religions and the dialogue audience. Disadvantage to the religion because the religion will be misunderstood by the partners and participant if it is poorly explained, and thus will be a disservice to the religion. Disadvantage to the dialogue partners and participants because they will receive inaccurate and false information about the religion and consequently, their perception on the issues in discussion will be erroneous". Rujuk, Kamar Oniah Kamaruzaman, "Inter-faith dialogue: moving forward; setting premises and paradigms", 131.

¹¹⁴ Hasil kajian kedua ini telah dibentangkan dalam seminar seperti berikut, Khairulnizam Mat Karim and Suzy Aziziyana Sali, "Measuring religious leaders (Muslim-non Muslim) understanding on Interfaith Dialogue basic concept and its effect to social relation" (Prosiding Konferen dalam World Congress on Islamic System (WORLD-ISLAM 2011), 28-30 November 2011 di Holiday Villa Hotel & Suites, Subang, Selangor dalam kategori Conference on Islamic Social System). Kajian ini juga telah dikemaskini dan diterbitkan dalam Khairulnizam Mat Karim and Suzy Aziziyana Sali, "Measuring religious leaders (Muslim-non Muslim) understanding on Interfaith Dialogue basic concept and its effect to social relation: a preliminary", *Journal of Islamic Knowledge*, Vol. 1, No.2, (March 2012), 22-34. Hasil kajian ini juga telah dibentangkan dalam *poster presentation* di Regional Conference on Cross Cultural Communication and National Integration: Unity in Diversity, pada 19-21 Jun 2012 di Palace of the Golden Horses, Kuala Lumpur, anjuran Pusat Pengajian Umum dan Bahasa, Universiti Pertahanan Malaysia (UPNM) dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan serta Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

mengukur tahap kefahaman juga tidak menyeluruh. (3) Hubungan interaksi sosial hanya terbatas kepada hubungan harian sahaja. Walaubagaimanapun hasil kajian tersebut adalah hasil baru (*new finding*) dalam kajian-kajian dialog antara agama yang melibatkan pemimpin agama terutama di Malaysia.

f) Kajian pengukuran kefahaman konsep asas dialog antara agama

Untuk mendapatkan kajian yang menyentuh pengukuran kefahaman konsep dialog antara agama di kalangan pendialog adalah amat sukar apatah lagi di kalangan pemimpin agama. Malah mungkin boleh dikategorikan sebagai tidak ada sepanjang pencarian kajian literatur awal sama ada material dalam dan luar negara kecuali kajian yang dijalankan oleh Khairulnizam dan Suzy Aziziyana seperti yang dihuraikan sebelum ini. Walaupun begitu keadaan ini tidak sama sekali memberi gambaran skop ini tidak perlu untuk dikaji. Tetapi dengan keadaan ini kesimpulan awal boleh dibuat oleh penulis bahawa kajian berkaitan pengukuran kefahaman pendialog terhadap konsep dialog antara agama adalah satu keperluan terutama berkaitan hubungkait kefahaman dan kesan terhadap hubungan antara agama terutama di kalangan kumpulan pemimpin agama.

Robert Hunt¹¹⁵, Albert Sundararaj Walter¹¹⁶, dalam kajiannya menghuraikan bahawa pada realitinya masyarakat di Malaysia masih belum bersedia untuk berdialog. Di antara dakwaan yang dilontarkan; (1) Melayu-Muslim di Malaysia mengamalkan konsep eksklusivisme dan agresif dalam beragama, (2) Melayu-Muslim sangat bersifat defensif dalam isu-isu yang bersifat identiti dan agama serta isu-isu berkaitan penolakan

¹¹⁵ Robert Hunt, "Can Muslim Engage in Interreligious Dialogue? A study of Malay Muslim Identity in Contemporary Malaysia", *The Muslim World*. Vol.99(2009), 591.

¹¹⁶ Albert Sundaraj Walters, "Issues in Christian-Muslim Relation: A Malaysian Christian Perspective", *Islam and Christian-Muslim Relations*.18(1)(2007), 67-83

konsep pluralisma dalam beragama. Begitu juga pandangan yang sama telah dilontarkan oleh bekas Perdana Malaysia yang ketiga iaitu Tun Mahathir Mohamad.¹¹⁷ Selain itu menurut Wan Sabri Wan Yusuf dan Arfah Ab Majid salah faham terhadap matlamat sebenar dialog antara agama yang turut disamakan dengan *religious pluralisme* dan *proselytization* telah menyebabkan masyarakat Malaysia tidak mahu terlibat dalam dialog antara agama.¹¹⁸

Manakala Kate Zebiri dalam tulisannya "*Muslim and Christian Face to Face*" turut menyatakan bahawa sebahagian Muslim mendakwa bahawa, "*there is no point in entering into dialogue unless it is da'wah.*"¹¹⁹ Pandangan John Azumah dalam artikelnya yang bertajuk *The Integrity of Interfaith Dialogue*¹²⁰ dapat menjawab dakwaan oleh kedua-dua penulis di atas walaubagaimanapun menolak dakwaan masyarakat Muslim menolak pelaksanaan dialog antara agama. John Azumah menyatakan terdapat lima isu yang terarah kepada penolakan atau ragu-ragu terhadap pelaksanaan dialog antara agama oleh masyarakat Muslim iaitu; (1) *theological issue*, (2) *the relationship between mission or propagation and dialogue*, (3) *the challenge of inherited traditions in relation to the negative and hostile depictions of the Other*, (4) *the burden of the past and the need to be honest with ourselves and partners in dialogue* dan (5) *facing the challenge of re-examining our presuppositions about the Other in the light of existential realities*.

¹¹⁷ Sila rujuk *New Straits Time*, 27 Februari 2002, 2. (Maklumat ini adalah dalam simpanan penulis ketika menjalankan kajian-kajian dialog antara agama).

¹¹⁸ Wan Sabri Wan Yusuf dan Arfah Ab Majid, "Inter-Religious Dialogue Models in Malaysia", *Global Journal AlThaqafah (GJAT)*, Jil.2, Bil. 1, (Jun 2012), 1.

¹¹⁹ Rujuk nota kaki 11 dalam John Azumah, "The Integrity of Interfaith Dialogue", *Islam and Christian-Muslim Relation*. 13(3)(2002), 279.

¹²⁰ *Ibid.*, John Azumah. "The Integrity of Interfaith Dialogue", 270-279.

g) Kajian penglibatan kumpulan agama dalam model-model dialog dialog antara agama

Kajian berkaitan aktiviti dialog antara agama banyak dijalankan di peringkat antarabangsa. Di antaranya sebuah laporan khas yang bertajuk *What Works? Evaluating Interfaith Dialogue Programs*.¹²¹ Inisiatif ini telah dilaksanakan oleh *United State Institute Of Peace* bertujuan untuk menilai semula program-program dialog yang telah dijalankan bagi mendapat maklumbalas tentang keberkesanannya dan bagaimana untuk memaksimumkan usaha yang dijalankan di samping membangun model dialog yang berkesan. Ini adalah untuk merangka dan merancang pelan bertindak dan proses penambahbaikan di masa hadapan. Kajian ini menggunakan metod Kajian Kes di mana proses evaluasi berlaku pada pelbagai peringkat. Peringkat pertama adalah peringkat *High level religious leader* (dalam kategori elit) termasuk badan bukan kerajaan (NGO) yang terlibat dengan aktiviti dialog. Program ini diberi nama *A Program For Elites: The Alexandria Agreement*. Dalam kajian kes yang dilaksanakan di Alexandria, Mesir, didapati bahawa peranan pemimpin agama seperti *Chief of Rabbi* dan Mufti adalah amat penting dalam meredakan konflik anti-Muslim di antara masyarakat Muslim Hebron dan Yahudi. Konflik ini akhirnya reda selepas dialog dual hala antara kedua-dua pemimpin agama berlangsung di antara Mufti Hebron dan Israel *Chief Rabbi Eliyahu Bakshi Doron*. Beliau secara objektifnya menegaskan bahawa perlakuan anti-muslim oleh bangsa Yahudi itu adalah satu dosa dan akhirnya difahami oleh bangsa Yahudi melalui *Intra Dialogue* yang dilakukan oleh *Chief Rabbi* sehingga dapat meredakan konflik. Kesimpulan boleh dibuat bahawa dialog harus dihadiri oleh mereka yang mempunyai kefahaman yang tinggi serta berkemampuan untuk berperanan di dalam

¹²¹ Special Report , “What Works? Evaluating Interfaith Dialogue Programs”, (Washington: United States Institute of Peace, 2004), 1-12.

inter-dialogue dan *intra-dialogue* terutama apabila melibatkan dialog untuk penyelesaian konflik (*conflict resolution*).

Kajian Vivien Lowndes dan Racheal Chapman turut meneliti penglibatan kumpulan agama dalam pembangunan masyarakat majmuk di Leicester, Britain dan seterusnya membentuk satu model penglibatan kumpulan agama di dalam pembangunan masyarakat sivil. Kajian yang dijalankan pada 2005 ini bertajuk *Faith, hope and clarity: Developing a model of faith group involvement in civil renewal*.¹²² Di antara tujuan utama kajian ini adalah untuk mengkaji rasional dan signifikan penglibatan kumpulan agama (terdiri daripada pelbagai agama) dalam pembangunan masyarakat secara keseluruhan di samping berkaitan dengan pembentukan dasar negara.¹²³ Metode yang digunakan dalam kajian ini adalah analisa dokumen terutama polisi-polisi kerajaan tempatan dan temubual bersama pembuat-pembuat dasar dan wakil-wakil kumpulan agama yang terdiri daripada pelbagai agama (Kristian, Muslim, Hindu, Sikh and Jain).¹²⁴ Hasil kajian mendapati wujud signifikan penglibatan kumpulan agama dalam pembangunan perpaduan masyarakat yang pelbagai dan pembangunan dasar-dasar kerajaan berkaitan perpaduan agama dan etnik. Mekanisma yang diaplikasi adalah *inter-faith dialogue programme, inter-faith collaboration and networking, cross faith/cultural social activities, events and fund raising* dan sebagainya. Di antara kesannya adalah (1) meningkatkan kefahaman kepelbagaian agama, budaya dan tradisi, (2) meningkatkan sifat hormat menghormati dan toleransi, (3) meredakan dan mengurangkan ketakutan dan konflik agama. Penulis mendapati bahawa dalam model dialog yang dibangunkan

¹²²Vivien Lowndes dan Racheal Chapman, "Faith, hope and clarity: Developing a model of faith group involvement in civil renewal". (Laporan utama kajian di bawah program Civil Renewal Research Program yang di kelolai oleh Local Governance Research Unit, De Montfort University Leicester, UK.), 2005), 1-52.

¹²³ Kenyataan daripada the UK Home Office, "...Engaging faith groups are part of a broader government strategy to mobilize the resources of civil society in pursuit of citizen well-being and better government. But there is also assumption that faith groups have special qualities that enable them to play a particular role in civil renewal." Maklumat lanjut rujuk laporan lengkap penyelidikan seperti terdapat di dalam laporan di atas dalam halaman 4.

¹²⁴ *Ibid.*, 9.

daripada hasil kajian tidak cuba meneliti kepentingan ciri-ciri wakil kumpulan agama yang terlibat. Secara umumnya hanya menghuraikan *faith groups representative* tanpa meletakkan pengkhususan seperti pemimpin agama seperti Mufti, Paderi, Sami atau ketua kumpulan NGO agama. Pada pandangan pengkaji ciri-ciri ini amat penting kerana bukan semua wakil memahami asas-asas dialog di mana secara khususnya akan mempengaruhi cara mereka berfikir dan bertindak terutama berkaitan menangani konflik.

Mohammed Abu Nimer dalam kajiannya yang berbentuk aplikasi daripada Model Latihan yang diberi nama *Interreligious Peacebuilding Training Model* turut membincangkan penglibatan kumpulan agama dalam membangun keamanan dan penyelesaian konflik antara agama di dalam kepelbagaian agama dan budaya. Tajuk kajian beliau adalah *Conflict Resolution, Culture and Religion: Towards a Training Model of Interreligious Peacebuilding*.¹²⁵ Metodologi yang digunakan di dalam kajian ini adalah menganalisa data-data observasi dan temubual terhadap peserta bengkel *Conflict Resolution Workshop* yang dikumpulkan selama enam tahun (1993-1999). Responden terdiri daripada kumpulan agama (di dalam kajian telah dibangunkan konsep sebagai *Religious Peace Builder*), tanpa membuat pengkhususan sama ada pemimpin agama, orang awam, ahli-ahli NGO atau sebagainya. Tanpa pengkhususan responden maka hasil kajian akan tidak terarah sedangkan isu yang dibincangkan adalah untuk menguji model latihan yang telah dibangunkan. Jika peserta yang mengikuti adalah kumpulan agama di peringkat paling bawah, atau kumpulan pelbagai peringkat maka amat sukar untuk menilai kesan model latihan kerana terdapat percampuran maklumat. Seharusnya untuk peringkat permulaan ia harus dibangunkan bagi kategori kumpulan pemimpin agama kerana mereka ini amat berpengaruh di dalam masyarakat. Dalam

¹²⁵ Mohammed Abu Nimer, "Conflict Resolution, Culture and Religion: Towards a Training Model of Interreligious Peacebuilding", *Journal of Peace Research*. Jil.38 (London: Sage Publication(published on behalf of International Peace Research Institute, Oslo, 2001), 685-704.

Model Latihan yang dibangunkan terdapat 5 fasa , dan salah satu fasa iaitu *Meet the Other* menggunakan pendekatan dialog antara agama. Didapati bahawa ketegangan, ketidakpercayaan, kekhuatiran dan suasana konflik wujud dalam proses dialog. Pengkaji juga melaporkan bahawa peserta didapati tidak mempunyai ilmu asas agama yang didialogkan. Tambahan pula jika diteliti antara matlamat dialog adalah untuk meredakan konflik tetapi ia berlaku sebaliknya. Ini menunjukkan pemilihan peserta yang sesuai di dalam program dialog antara agama adalah amat penting seperti ciri-ciri yang dinyatakan di dalam konsep asas dialog.

Kusumita P. Pedersen dalam kajiannya yang bertajuk *The Interfaith Movement: An Incomplete Assessment*¹²⁶ turut menekankan tentang kepentingan kumpulan yang bersesuaian untuk menyertai dialog antara agama terutama di peringkat nasional. Pandangan ini berkemungkinan merujuk kepada hubungkait dengan pembangunan dasar dalam pelbagai aspek antara agama di peringkat nasional dan seterusnya akan memberi kesan kepada masyarakat keseluruhan. Selain itu di peringkat ini (nasional) juga perbincangannya amat dalam seperti *theological complexity, doctrine, religious tradition, differences on comparative religious ethics dan global ethics* dan isu-isu *religious plurality*. Oleh itu mereka yang pakar adalah diperlukan. Di sini ia merujuk kepada sarjana dari pelbagai latarbelakang agama, pemimpin-pemimpin agama, ahli akademi (contohnya dari bidang *comparative studies* dan *interreligious dialogue*).

Dalam pengumpulan literatur awal bagi kajian ini terdapat kajian-kajian dialog yang terarah kepada dialog yang melibatkan aktiviti. Melalui dialog aktiviti, konflik antara agama yang berlaku tidak akan dapat diselesaikan kerana dialog aktiviti kebiasaanya tidak membincangkan perbezaan yang wujud atau penyelesaian konflik di

¹²⁶ Kusumita P. Pedersen, "The Interfaith Movement: An Incomplete Assessment", *Journal of Ecumenical Studies*. 41(1)(2004), <http://www.questia.com/library/journal/1G1-146498999/the-interfaith-movement-an-incomplete-assessment>, 2 March 2011.

antara agama terutama penyelesaian dalam masa terdekat. Ini termasuk model-model yang dibangun juga turut menyentuh model dialog yang difokuskan kepada aktiviti-aktiviti seperti berkonsepkan bengkel, latihan, aktiviti kemanusiaan, walaupun ia merujuk kepada program pembangunan keamanan (*peace building program*)(program dialog untuk masa panjang). Selain itu kumpulan sasaran juga melibatkan dari pelbagai lapisan seperti para pelajar (melibatkan pembangunan model dialog untuk pembangunan keamanan di peringkat sekolah atau universiti) sehingga ke lapisan masyarakat bawahan (*grassroot participant*)(program dialog untuk masa panjang). Di antara pengkaji-pengkaji tersebut adalah Michael James Fitzsimmons¹²⁷, Marci Moberg¹²⁸, Wati Longchar¹²⁹, Nicholas Doctor¹³⁰, Bill Sterland dan John Beauclerk¹³¹, Anna Halsall dan Bert Roebben¹³². Pada pandangan penulis jika tujuan dialog adalah untuk menyelesaikan konflik (terutama untuk penyelesaian jangka pendek) maka dialog yang paling sesuai adalah dialog yang bersifat perbincangan dua hala dan bukan berbentuk aktiviti. Manakala persertanya juga adalah terhad seperti pemimpin agama atau dalam kategori *High level religious leader*. Jika perbincangan adalah untuk seterusnya melibatkan pembinaan polisi atau dasar nasional ia harus melibatkan wakil-wakil daripada badan atau agensi yang berkaitan. Walaubagaimanapun harus dipastikan mereka yang dihantar sebagai wakil mempunyai latarbelakang bersesuaian seperti

¹²⁷ Michael James Fitzsimmons, "The Christian Practice of Hospitality: A model For Interfaith Dialogue for Presbyterian & Roman Catholic Youth", (*A doctoral paper submitted to the Faculty of Pittsburgh Theological Seminary in partial fulfillment of the requirements for the Degree of Doctor of Ministry*, 2008).

¹²⁸ Marci Moberg, "Experiential Encounters: New Model of Interfaith Dialogue", (*A thesis submitted in partial fulfillment of the requirement of the Degree of Master of Science at George Mason University*, 2009).

¹²⁹ Wati Longchar, "Beyond Four Walled Campuses: Model of Ecumenical Theological Education in Interfaith Issues in India", *International Review of Mission*, 98(1)(2009), 64-76.

¹³⁰ Nicholas Doctor, "Multi-Track Diplomacy through Enhancing Interreligious Understanding: A case Study in Abrahamic Dialogue between Jordanian and American Students", (*submitted in partial fulfillment of the requirement for Jordan: Moderization and Social Change School for International Training, University of Tulsa, Amman, Jordan*, 2008).

¹³¹ Bill Sterland & John Beauclerk, "Faith Communities as Potential Agents for Peace Building in the Balkans", (Analysis of faith-based interventions towards conflict transformation and lasting reconciliation in post-conflict countries of former Yugoslavia) (Laporan penuh penyelidikan yang ditaja oleh Norwegian Church Aid yang dijalankan pada 1 Oktober 2007 – 31 Disember 2007, 2008).

¹³² Anna Halsall & Bert Roebben, "Intercultural and Interfaith Dialogue through Education", *Religious Education*, 101(4)(2006), 443-452.

berpengetahuan asas agama-agama lain, berpengalaman dalam aktiviti/dialog antara agama, berpengalaman dalam penyelesaian konflik antara agama dan terlibat secara langsung dalam pembinaan dasar atau polisi berkaitan antara agama dan budaya.

h) Rumusan faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan dialog antara agama dan mempengaruhi kefahaman terhadap dialog antara agama serta kesan hubungan sosial kumpulan yang terlibat

Berdasarkan kepada literatur di atas hanya terdapat satu kajian pengukuran tahap kefahaman konsep asas dialog antara agama di kalangan kumpulan yang terlibat di dalam dialog antara agama. Hasil kajian telah menyenaraikan dua faktor yang mempengaruhi kefahaman kumpulan yang terlibat. Faktor yang disenaraikan adalah (1) latarbelakang pendidikan (formal) dan (2) pengalaman pendialog dalam program-program dialog antara agama sama ada sebagai panel, penganjur mahupun peserta. Oleh itu pengkaji telah membuat analisa terhadap beberapa kajian model-model dialog yang sedia ada untuk melihat faktor-faktor lain yang wujud dalam kajian model-model dialog antara agama di mana mempengaruhi kejayaan dialog antara agama yang sudah pasti turut melibatkan aspek kefahaman konsep asas dialog antara agama sebagaimana fokus utama kajian ini.

Jadual 1.1 di bawah adalah rumusan analisa yang telah dilakukan oleh penulis terhadap 13 Jenis Model Dialog Antara Agama yang diperolehi dalam menyempurnakan kajian ini. Rumusan faktor-faktor yang boleh mempengaruhi kejayaan termasuk kefahaman dialog antara agama dan kesan hubungan sosial kumpulan yang terlibat di dalam dialog antara agama adalah:

1. Tahap Pendidikan/Pendidikan Agama/Proses Pendidikan.
2. Pengalaman dalam dialog/Hubungan Antara Agama.
3. Tahap Keagamaan.
4. Tuntutan Semasa (Organisasi).
5. Faktor Politik
6. Faktor Prestij (Jawatan yang disandang/bentuk program dialog/penganugerahan).
7. Faktor Gender ¹³³

Jadual 1.1: Faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan dialog dan juga kefahaman terhadap dialog antara agama termasuk faktor mempengaruhi kesan terhadap hubungan sosial

Bil	Nama pengkaji/ Organisasi dan Tahun	Jenis Model Dialog	Jenis Faktor/Dimensi	Bilangan Faktor/ Dimensi
1.	Mohamad Abu-Nimer (2001)	1) <i>Tranning Model of Interreligious Peacebuilding</i>	1. Tahap Pendidikan/Pendidikan Agama/Proses Pendidikan	1
2.	Marci Moberg (2003)	2) <i>Experiential Encounter Model</i>	1. Pengalaman dalam Dialog/Hubungan Antara Agama	2

¹³³ Dalam penelitian penulis terhadap kajian-kajian atau model-model dialog antara agama, faktor gender tidak diklasifikasikan sebagai satu faktor yang dapat meningkatkan kejayaan pelaksanaan dialog antara agama. Walaubagaimanapun, menerusi observasi dan pengalaman penulis dalam menjalankan kajian berkaitan dialog, kumpulan wanita turut terlibat sebagai peserta mahupun penganjur program-program dialog antara agama di Malaysia. Maka dengan ini penulis mengandaikan bahawa berkemungkinan faktor gender juga boleh mempengaruhi proses dialog dan memberi kesan kepada hubungan antara agama. Oleh itu penulis menyenaraikan faktor gender di peringkat awal ini sebagai salah satu faktor iaitu sebagai faktor ke 7. Pandangan yang sama juga turut disokong oleh Profesor Dr. David Thomas, Professor of Christianity and Islam & Nadir Dinshaw Professor of Interreligious Relations, Editor of Islam and Christian-Muslim Relation Journal, University of Birmingham, United Kingdom. Maklumat ini diperolehi oleh penulis ketika sesi temubual *face to face* berkaitan penerbitan jurnal yang dianjurkan oleh Akademi Pengajian Islam pada 5 Julai 2013, jam 10.15-10.30 pagi di BMU Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya). Di samping itu En. Yong Kun Hing iaitu Penolong Pengarah, Unit Perhubungan Agama, Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional turut memberi penekanan terhadap kepentingan penglibatan wanita di dalam pelaksanaan dialog antara agama secara khusus dan hubungan antara agama secara umum. Ini adalah berdasarkan pengalaman beliau dalam menguruskan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian di Antara Penganut Agama (JKMPKA). Sesi temubual bersama beliau telah berlangsung pada 18 April 2012, jam 11.30-12.30 tgh, di Tingkat 8, Blok E2, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya.

			2. Tahap Pendidikan/Proses Pendidikan	
3.	United States Institute of Peace (2004)	3) <i>Model for Elites(Top Religious Leaders)</i>	1. Tahap Pendidikan/Proses Pendidikan 2. Pengalaman dalam dialog/Hubungan Antara Agama 3. Tahap Keagamaan 4. Tuntutan Semasa(Organisasi)	4
		4) <i>Tolerance Model of Dialogue</i>	1. Tahap Pendidikan/Proses Pendidikan 2. Tuntutan Semasa(Organisasi)	2
		5) <i>Model for Religious Leader(Local Religious Leader)</i>	1. Tahap Pendidikan/Proses Pendidikan 2. Pengalaman dalam dialog/Hubungan Antara Agama 3. Tahap Keagamaan 4. Tuntutan Semasa(Organisasi)	4
		6) <i>Model for Grassroot (Youth Leader)</i>	1. Tahap Pendidikan/Proses Pendidikan 2. Tuntutan Semasa(Organisasi)	2
		7) <i>Grand Gesture Model</i>	1. Faktor Politik 2. Prestij(Bentuk Program & Jawatan di sandang)	2
4.	Vivien Lowndes & Rachael Chapman (2005)	8) <i>Faith Group Model</i>	1. Tuntutan Semasa(Organisasi) 2. Tahap Pendidikan/Proses Pendidikan 3. Tahap Keagamaan	3
5.	Anna Halsall & Bert Roebben (2006)	9) <i>Education System Model(Religious Education)</i>	1. Tahap Pendidikan/Proses Pendidikan 2. Tuntutan Semasa(Organisasi)	2


6.	Nicholas Doctor	10) <i>Multi-Tract Diplomacy Model</i>	1. Faktor Politik 2. Tuntutan Semasa(Organisasi) 3. Tahap Pendidikan/Proses Pendidikan	3
7.	Michael James Fitzsimmons (2008)	11) <i>Hospitality Model of Dialogue (Based on Christianity)</i>	1. Tahap Keagamaan 2. Tahap Pendidikan/Proses Pendidikan	2
8.	Bill Sterland & John Beauclerk (2008)	12) <i>Peace Building Model</i>	1. Tahap Pendidikan/Proses Pendidikan 2. Tuntutan Semasa(Organisasi)	2
9.	Wati Longchar (2009)	13) <i>Education System Model(Theological Education)</i>	1. Tahap Pendidikan/Proses Pendidikan	1

Sumber: Rumusan analisa yang telah dilakukan oleh penulis terhadap 13 Jenis Model Dialog Antara Agama yang diperolehi literatur kajian.

7. Kerangka penyelidikan dan metodologi yang akan diaplikasi pada keseluruhan kajian (*Research framework*)

Kerangka penyelidikan di bawah ini adalah dibangunkan berdasarkan kepada masalah kajian dan literatur kajian sebagaimana dibincangkan sebelum ini. Gambarajah di bawah menggambarkan hubungan di antara kefahaman responden dengan kesan hubungan sosial yang dipengaruhi oleh beberapa faktor berdasarkan kajian literatur pada bahagian sebelum ini.

Gambarajah 1.1: Diagram di atas adalah rangka kerja penyelidikan dan metodologi yang akan diaplikasi dalam keseluruhan penyelidikan.



Sumber: Kerangka penyelidikan di atas ini adalah dibangunkan berdasarkan kepada masalah kajian dan literatur kajian

8. Kesimpulan

Jika dilihat kepada isu-isu semasa antara agama seperti isu penggunaan kalimah Allah, isu murtad, isu pelaksanaan hudud, perdebatan untuk menubuhkan Jawatan Kuasa Antara Agama, Penubuhan Suruhanjaya Antara Agama dan pelbagai isu lain telah menunjukkan bahawa pelaksanaan dialog antara agama yang telah berlangsung selama ini tidak dapat berperanan dengan sewajarnya.¹³⁴ Oleh itu penulis berpendapat bahawa kefahaman pemimpin agama Islam dan Kristian (sebagaimana fokus kajian ini) terhadap konsep asas dialog antara agama harus dinilai dan diukur. Sama ada mereka terlibat secara langsung sebagai pendialog ataupun tidak adalah menjadi faktor kepada kefahaman tersebut. Ini adalah kerana jika pemimpin agama memahami dengan jelas dan berperanan dengan sewajarnya pasti kesan baik akan dirasai oleh masyarakat dan begitulah sebaliknya.

Maka dengan meneliti kembali masalah kajian yang diutarakan, maka amatlah penting satu kajian dijalankan untuk menilai sejauhmana kefahaman para pendialog (fokus dalam kajian ini adalah Pemimpin Agama Islam-Kristian). Ini adalah kerana setiap tindakan dan peranan yang dimainkan akan memberi kesan langsung kepada hubungan antara agama (Hubungan Pemimpin Agama) dan seterusnya hubungan masyarakat keseluruhan.

¹³⁴ Sewaktu di peringkat awal kajian ini dijalankan, Kerajaan Malaysia telah menubuhkan satu jawatankuasa antara agama yang diberi nama Jawatankuasa Untuk Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Di Antara Penganut Agama (JKMPKA). Jawatankuasa ini telah diluluskan oleh Jemaah Menteri Malaysia pada 24 Februari 2010. Jawatankuasa ini diletak di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Integriti Nasional. Visi jawatankuasa ini adalah “Ke arah Malaysia harmoni dan muhibah”, manakala misi adalah, “Untuk menjadi mekanisme dialog dan mediasi bagi mewujudkan persefahaman dan keharmonian antara penganut agama ke arah membina Malaysia sebagai sebuah Negara berjiwa muhibah”. Terdapat seramai 56 ahli tetap dan ahli pengganti yang terdiri daripada wakil-wakil agama di Malaysia. Maklumat lanjut sila layari, www.jpnn.gov.my/http://www.jpnn.gov.my/jkmpka/visi_misi, 4 Jun 2011.

9. Objektif kajian

1. Mengkaji konsep asas pemimpin agama sebagai ejen dialog antara agama di Malaysia yang dikhususkan kepada agama Islam dan Kristian.
2. Mengkaji perkembangan dasar kerajaan dan organisasi yang menaungi kumpulan pemimpin agama Islam dan Kristian dalam membina hubungan dan pelaksanaan dialog antara agama di Malaysia.
3. Mengukur tahap kefahaman pemimpin agama Islam dan Kristian terhadap konsep asas dialog antara agama seperti definisi, tujuan, prinsip, panduan dan peraturan.
4. Mengukur tahap kesan kefahaman pemimpin agama Islam dan Kristian terhadap hubungan sosial dalam tema Interaksi Sosial, Sikap Eksklusif, Sikap Altruistik, Kerjasama dalam menangani konflik dan Kerjasama dalam hal-hal Dakwah dan Mubaligh(*Missionary*).
5. Menganalisa faktor yang mempengaruhi kefahaman konsep asas dialog antara agama dan kesan hubungan sosial pemimpin agama Islam dan Kristian.

Untuk mencapai objektif-objektif ini, beberapa persoalan penting harus diambil perhatian:

1. Adakah wujud model pelaksanaan dialog antara agama di Malaysia yang mendasari proses pelaksanaan dialog antara agama di Malaysia (formal atau tidak formal) selama berlangsung di Malaysia?
2. Meneliti polisi-polisi kerajaan dalam Rancangan Malaysia (terutama polisi yang berkaitan perpaduan dan hubungan agama dan etnik di Malaysia) dalam lingkungan tahun 2001-2010 iaitu Rancangan Malaysia ke 8 dan 9)¹³⁵ yang mempengaruhi kesan (positif-negatif) secara langsung dan secara tidak langsung kepada pelaksanaan dialog antara agama dan hubungan antara agama di Malaysia secara umum dan hubungan Islam Kristian secara khusus.
3. Apakah peranan yang dimainkan oleh Institusi Agama (khasnya Islam dan Kristian) di Malaysia dalam menangani konflik agama yang berlaku khususnya melalui platform dialog? Sejauh mana proses tersebut sama ada wujud struktur formal atau hanya berdasarkan kes(*case basis*)?
4. Apakah peranan yang dimainkan oleh pemimpin agama Islam dan Kristian (Mufti dan Paderi dan kumpulan berkaitan) di dalam isu-isu antara agama? Apakah peranan mereka jika berlaku konflik antara agama? Adakah berlaku dialog untuk menyelesaikan setiap isu atau konflik?
5. Adakah konsep dialog antara agama di Malaysia juga dikategorikan sebagai *socio-political (unity & integrity)*¹³⁶ dan bukan *theological scientific dialogue*¹³⁷?

¹³⁵ Rancangan Malaysia ke 7 adalah dari tahun 1995-2000, manakala Rancangan Malaysia ke 8 adalah dari tahun 2001-2005 dan Rancangan Malaysia ke 9 adalah dari tahun 2006-2010.

¹³⁶ *Socio-political* yang dimaksudkan oleh pengkaji adalah dialog antara agama yang berasaskan kepada mencari keamanan serta kesepaduan masyarakat antara agama demi memastikan keamanan di dalam

10. Persoalan kajian

1. Apakah konsep asas pemimpin agama sebagai ejen dialog antara agama di Malaysia yang dikhususkan kepada agama Islam dan Kristian?
2. Bagaimanakah perkembangan dasar kerajaan dan organisasi yang menaungi kumpulan pemimpin agama Islam dan Kristian dalam membina hubungan dan pelaksanaan dialog antara agama di Malaysia?
3. Bagaimanakah tahap kefahaman pemimpin agama Islam dan Kristian terhadap konsep asas dialog antara agama seperti definisi, tujuan, prinsip, panduan dan peraturan?
4. Bagaimanakah tahap kesan kefahaman pemimpin agama Islam dan Kristian terhadap hubungan sosial dalam tema Interaksi Sosial, Sikap Eksklusif, Sikap Altruistik, Kerjasama dalam menangani konflik dan Kerjasama dalam hal-hal Dakwah dan Mubaligh(*Missionary*)?

Negara Malaysia sehingga akan memberi kesan kepada kelancaran ekonomi serta kestabilan Negara. Selain itu ia turut didokong oleh peranan yang dimainkan secara terus oleh pucuk pimpinan negara terutama Perdana Menteri dengan merangka dan merancang serta menstruktur polisi-polisi atau mekanisme yang bersesuaian selari dengan agenda kerajaan. (Ini juga bermaksud bahawa kerajaan mewujudkan satu jabatan/unit di bawah mana-mana kementerian untuk memberi perhatian secara khusus termasuk peruntukkan berbentuk kewangan, sokongan dan bantuan-bantuan lain untuk memastikan matlamat tercapai).

¹³⁷ *Theological scientific* yang dimaksudkan oleh pengkaji adalah satu proses dialog untuk mencari kebenaran yang berlandaskan kepada konsep *meta-religion* iaitu mengkaji setiap agama atau berdialog dengan meneliti fakta sebenar sesuatu agama tersebut. Maklumat yang didialogkan haruslah objektif, saintifik dan berkonsepkan akademik dan bukan berlandaskan polemik. Pendekatan ini dilihat dapat melepasi sempadan kritikan agama semata-mata seperti *Muslim Critique on Christianity* atau sebaliknya yang boleh dinilai sebagai prejudis dan berpihak tetapi ia akan dapat dilihat sebagai *Human Critique* atau *Rational Critique*. Maka dengan ini fakta yang jelas haruslah diterima oleh agama-agama yang terlibat. Walaubagaimanapun pengkaji mengakui ia dilihat sebagai suatu pendekatan yang ideal dan mungkin sukar untuk dilaksanakan. Huraian lanjut berkaitan pendekatan Meta-Religion boleh dirujuk, Al-Fārūqī, "Towards a Critical World Theology" dalam *Towards Islamization of Disciplines* (U.S.A: International Institute of Islamic Thought (IIIT), 1989), 416-420.

5. Apakah faktor yang mempengaruhi kefahaman konsep asas dialog antara agama dan kesan hubungan sosial pemimpin agama Islam dan Kristian?

11. Metodologi kajian

Penyelidikan ini dijalankan dengan menggunakan metodologi kualitatif yang melibatkan kombinasi metodologi kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Metodologi kajian perpustakaan akan tertumpu pada Bab Satu, Bab Dua dan Bab Tiga. Ini adalah kerana perbincangannya difokuskan kepada aspek teori dan latar belakang Malaysia berkaitan hal-hal hubungan antara agama. Manakala bab-bab lain melibatkan metodologi kajian lapangan yang dibahagikan kepada dua kategori. Kategori pertama adalah bersasakan kepada dapatan kajian melalui soal selidik iaitu di dalam Bab Empat termasuk perbincangan analisa dalam Bab Lima. Proses pengagihan borang soal selidik adalah berdasarkan teori Persampelan Bertujuan (*Purposive Sampling*).¹³⁸ Sementara kategori kedua melibatkan kombinasi metodologi kajian lapangan dan perpustakaan seperti wawancara, pemerhatian, kajian dokumentasi dan sumber yang bersesuaian iaitu di dalam Bab Tiga. Manakala Bab Enam adalah kesimpulan dan cadangan.

- a) **Populasi dan sampel** – Sebagaimana yang dihuraikan di dalam bahagian definisi tajuk sebelum ini popululasi dan sampel yang akan dijadikan sebagai responden adalah Pemimpin Agama Islam dan Kristian iaitu Mufti dan Paderi.

¹³⁸ Persampelan bertujuan ini bermaksud “merujuk kepada prosedur persampelan di mana sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu dipilih sebagai responden kajian”. Maklumat lanjut sila rujuk; Chua Yan Piaw, *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan Buku 1* (Kuala Lumpur: McGraw- Hill, 2006), 201; Bruce L. Berg, *Qualitative Research Method for the Social Sciences*, cet. ke-7 (Boston: Pearson Education Inc., 2009), 50-52; Merriam, S.B., *Qualitative research and case study applications in education*, cet. ke-2 (San Francisco: CA Jossey-Bass, 1998), 86.

- i. Bagi Agama Islam responden adalah termasuk Ahlijawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia iaitu seramai 22 orang¹³⁹ dan Pegawai Agama Bahagian Dakwah setiap Negeri iaitu seramai 14 orang.¹⁴⁰ Maka jumlah keseluruhan reponden bagi Islam adalah 36 orang.
- ii. Bagi Agama Kristian responden adalah tertumpu kepada Majlis Gereja-gereja SeMalaysia (*Council of Churches of Malaysia*) yang terdiri daripada paderi-paderi, ahli bersekutu dan gabungan yang terdiri daripada Ahli Persekutuan Kristian Malaysia(*Christian Federation of Malaysia*). Pembahagian ahli adalah; Ahlijawatankuasa Tertinggi (Pengurusan) termasuk Paderi dan Ahli Majlis Gereja-Gereja SemMalaysia seramai 24 orang dan Ketua Organisasi Kristian (Ahli Bersekutu dan Ahli Gabungan seramai 13 orang. Maka jumlah keseluruhan responden bagi pihak Kristian adalah seramai 37 orang.¹⁴¹

Maka jumlah keseluruhan populasi responden adalah seramai 73 orang iaitu 36 orang daripada Islam dan 37 orang daripada Kristian. Berdasarkan kepada pengiraan dalam kaedah menentukan populasi—sampel, Krejcie dan Morgan telah menyenaraikan saiz sampel yang berpadanan dengan saiz populasi kajian sebagaimana yang dihuraikan oleh Chua Yan Piaw di dalam buku kaedah penyelidikan. Oleh itu populasi di dalam

¹³⁹ Ahli-ahli Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia terdiri daripada (1) Seorang pengerusi, (2) Mufti-mufti setiap negeri, (3) 5 orang ulama' yang di pilih Majlis Raja-Raja dan (4) seorang yang beragama Islam dari Perkhitmatan Kehakiman dan Undang-undang yang dilantik oleh Majlis Raja-Raja. Makluma lanjut sila layari, www.e-fatwa.gov.my, 4 Jun 2011.

¹⁴⁰ Justifikasi untuk menyenaraikan Pegawai Agama Bahagian Dakwah setiap negeri adalah kerana mereka ini bertanggungjawab dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat Islam di negeri masing-masing. Oleh itu peluang dan ruang dalam konteks *Intra-dialogue* itu wujud dalam menyampaikan maklumat-maklumat yang berkaitan isu dan konflik antara agama. Selain itu juga mereka ini terlibat secara tidak langsung berkomunikasi dengan masyarakat bukan Islam. Oleh itu peluang ini harus digunakan oleh mereka untuk berdialog (*interfaith dialogue*) terutama untuk menerangkan dan memperjelaskan kekeliruan yang wujud. Oleh itu mereka juga perlu kepada kefahaman konsep asas dialog antara agama.

¹⁴¹ Maklumat lanjut berkaitan senarai responden dila layari, <http://ccmalaysia.org/about/.htm>, 7 Januari 2011.

kajian ini adalah 73 orang maka responden sebagai sampel yang baik adalah seramai sekitar 59 -60 orang.¹⁴²

b) **Kebolehpercayaan populasi-sampel (lokasi mewakili Malaysia):** Penyelidikan ini adalah melibatkan seluruh Malaysia. Oleh itu dengan merujuk kepada responden yang telah ditetapkan maka kebolehpercayaan sumber merangkumi Malaysia amat tinggi. Ini adalah berdasarkan kepada; (1) **Sumber bagi Agama Islam:** iaitu terdiri daripada Ahlijawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia termasuk Mufti setiap negeri termasuk Sabah dan Sarawak. Begitu juga dengan Pegawai Agama Bahagian Dakwah juga meliputi seluruh negeri termasuk Sabah dan Sarawak. (2) **Sumber bagi Agama Kristian:** iaitu Ahli Majlis Gereja-gereja SeMalaysia, Ahli Bersekutu dan Ahli Gabungan seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak yang terdiri daripada Paderi-paderi dan Ahli-ahli yang dilantik.

c) **Pengumpulan Data** – Penyelidikan ini akan menggunakan kaedah Triangulasi.¹⁴³ Kajian ini adalah kajian kualitatif maka sumber harus dilihat dari pelbagai sudut untuk meningkatkan kebolehpercayaan kajian. Data akan dikumpul melalui beberapa metodologi:

I. **Metod Pengumpulan Data (Utama):** Soal selidik berstruktur yang diedarkan (secara pos, email atau bertemu terus) secara fokus kepada populasi responden yang telah dikenalpasti sebagaimana di atas. (Soal selidik ini akan digunakan untuk mengkaji kefahaman reponden terhadap asas-asas dialog antara agama, faktor mempengaruhi kefahaman dan juga

¹⁴² Rujuk Chua Yan Piaw, *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan, Buku 1*, 186-187.

¹⁴³ Kaedah Triangulasi adalah kaedah di mana sumber kajian diperolehi daripada pelbagai sudut dan perspektif yang berbeza. Rujuk *Ibid.*, 9-10.

kesan kepada hubungan kedua-dua responden dalam tema-tema hubungan sosial dan interaksi).

II. Wawancara berstruktur bersama responden (pengkhususan yang berkaitan dengan fokus penyelidikan).

III. Pemerhatian berstruktur/berfokus oleh pengkaji terhadap pelaksanaan dialog antara agama yang telah berlangsung (berdasarkan pengalaman pengkaji dalam menjalankan kajian-kajian dialog antara agama sebelum ini) dan pelaksanaan semasa (dengan cara menghadiri siri-siri dialog yang berlangsung).

d) **Soal selidik (metode pengumpulan data utama):** Penyediaan instrumen (soal selidik) yang mempunyai kesahan yang tinggi (*valid instrument*) merupakan satu perkara yang amat penting dalam setiap penyelidikan. Oleh itu pengkaji telah mengambil beberapa pendekatan dan perancangan yang teliti dengan (1) menggunakan soal selidik daripada penyelidikan-penyelidikan lepas yang bersesuaian, (2) mengadaptasi soal selidik yang berkaitan dan bersesuaian daripada penyelidikan lepas, dan (3) membentuk tambahan soal selidik (baru) berdasarkan kajian literatur awal yang bersesuaian.

Maka dalam penyelidikan ini penulis telah menggunakan soal selidik yang telah dibina oleh Khairulnizam dan Suzy Aziziyana¹⁴⁴ sepenuhnya dengan membuat

¹⁴⁴ Kajian asal adalah “Inter-Faith Dialogue in Malaysia: A Comparative Study on the Understanding Among the Practitioners and Its Effect to Muslim and Non-Muslim Relation” dan telah diterbitkan dalam Khairulnizam Mat Karim & Suzy Aziziyana Sali, “Measuring religious leaders (Muslim-non Muslim) understanding on Interfaith Dialogue basic concept and its effect to social relation: a preliminary”, *Journal of Islamic Knowledge*, Vol. 1, No.2, (March 2012), 22-34. Kajian ini merupakan kajian persediaan(Kajian Rintis) penulis untuk melanjutkan pengajian ke peringkat doktor falsafah. Dengan hasil yang diperolehi penulis mendapati bahawa kajian ini mempunyai potensi untuk dikembangkan ke peringkat kajian lebih tinggi dan soal selidik yang digunakan juga telah terbukti mempunyai tahap kesahan yang tinggi.

perubahan kepada demografi responden iaitu dikhususkan kepada pemimpin agama Islam dan Kristian. Soal selidik mengukur kefahaman ini mempunyai lima bahagian kecil iaitu (a) bahagian pendefinisian dialog, (b) bahagian objektif dialog, (c) bahagian prinsip dialog, (d) bahagian panduan dialog dan (e) bahagian peraturan dialog. Manakala untuk mengukur/menganalisa kesan kefahaman kepada hubungan sosial responden, pengkaji melakukan sedikit perubahan dan penambahan terhadap soalan yang diajukan kepada responden. Keseluruhan soalan mengukur/menganalisa kesan kefahaman dialog terhadap hubungan sosial responden ini merangkumi tema; (1) interaksi sosial, (2) sikap eksklusif, (3) sikap altruistik, (4) kerjasama dalam menangani konflik dan (5) kerjasama dalam hal-hal dakwah dan mubaligh (*missionary*).

Dalam penyelidikan ini dua set soal selidik disediakan iaitu satu set untuk responden Muslim dan satu set untuk responden Kristian. Kedua-dua set soal selidik adalah dwi bahasa (Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris). Penyediaan dua set soal selidik adalah kerana terdapat beberapa bahagian di dalam soal selidik yang memberi fokus khusus kepada responden Muslim mahupun Kristian. Sebagai contoh; “Adakah anda pernah berjumpa dengan Pemimpin Agama Islam (Mufti, Qadi, Imam)?/Have you ever met a Muslim’s Religious Leader (Mufti, Qadi, Imam)?”. Manakala untuk soal selidik bagi responden Kristian perkataan Mufti, Qadi, Imam ditukar kepada Paderi. Sebagai contoh; “Adakah anda pernah berjumpa dengan Pemimpin Agama Kristian (Paderi)?/Have you ever met a Priest?”

e) Pengukuran maklumat dan analisa data

Data akan dianalisa dengan menggunakan SPSS Versi 20.0 asas sahaja. Menurut Chua Yan Piaw¹⁴⁵ sebarang data yang berbentuk kajian deskriptif iaitu daripada kajian kualitatif, sebagai contoh data daripada pengukuran melalui “Skala Likert” boleh menggunakan statistik deskriptif seperti frekuensi dan peratusan, min, mod, median, sisihan piawai, varians dan skor Z. Oleh itu analisa yang akan dibuat tidak akan mencari kewujudan atau hubungan signifikan di antara variabel yang dikaji iaitu di antara kefahaman dan kesan sebagaimana diaplikasi di dalam kajian berbentuk kuantitatif. Walaubagaimanapun kemungkinan wujud signifikan di antara dua variabel kefahaman dan kesan tetap ada.

Soal selidik dibahagikan kepada empat bahagian:

- (i) Bahagian A: Maklumat demografi responden
- (ii) Bahagian B: Maklumat latar belakang responden terhadap dialog antara agama
- (iii) Bahagian C: Maklumat kefahaman responden terhadap konsep asas-asas dialog antara agama
- (iv) Bahagian D: Maklumat untuk hubungan sosial: (1) Interaksi sosial responden dialog antara agama, (2) Sikap eksklusif (3) Sikap altruistik, (4) Kerjasama dalam menangani konflik dan (5) Kerjasama dalam hal-hal Dakwah dan Mubaligh (*Missionary*).

¹⁴⁵ Chua Yan Piaw “Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan Buku 1”, 240 dan Buku 2, 3-25.

Pengukuran kefahaman adalah menggunakan Skala Likert (Kaedah Skala 1-5)¹⁴⁶. Contoh: 1- Sangat tidak bersetuju, 2-Tidak bersetuju, 3-Tiada perbezaan, 4-Bersetuju dan 5-Sangat bersetuju. Oleh itu skor yang tinggi iaitu 5 menunjukkan responden mempunyai kefahaman yang tinggi “Sangat Faham”. Manakala skor 1 menunjukkan responden mempunyai kefahaman yang rendah “Sangat Tidak Faham”. Manakala skor 3 menunjukkan responden “Tidak Pasti” dengan konsep asas dialog antara agama ini. Cara pengukuran begini telah digunapakai oleh Chang-Ho C. Ji dan Yodi Ibrahim dalam kajian mereka untuk mengukur tahap kepatuhan individual Muslim kepada asas-asas ajaran Islam seperti Rukun Islam dan Rukun Iman.¹⁴⁷

Contoh soalan Kefahaman di Bahagian C yang akan diajukan:

Apakah yang dimaksudkan dengna Dialog Antara Agama?

What does Inter-Faith Dialogue means?

1.	Bukan Perbahasan/ Debat (<i>Not Debate</i>)	1	2	3	4	5
2.	Perbincangan/Komunikasi Dua Hala (<i>Two Ways or More Discussion/Conversation</i>)	1	2	3	4	5
3.	Bertukar-Tukar Pandangan dalam bentuk perbincangan) (<i>Exchange views in the course of speech</i>)	1	2	3	4	5
4.	Perbincangan Formal yang Terancang (<i>Formal & Well Planned Discussion/Conversation</i>)	1	2	3	4	5
5.	Perundingan Dua Hala atau Lebih (<i>Two Ways or More Consultation</i>)	1	2	3	4	5

Berdasarkan contoh soalan di atas, jika responden menjawab dalam skala “5-Sangat bersetuju”, maka responden mempunyai kefahaman sangat tinggi “Sangat Faham”. Manakala “4- Bersetuju”, maka responden mempunyai kefahaman pada kategori “Faham” terhadap definisi Dialog Antara Agama. Manakala responden yang menjawab dalam skala “3-Tiada Perbezaan”, maka responden berada pada kategori

¹⁴⁶ Chua Yan Piaw “Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan Buku 1”, 232-240.

¹⁴⁷ Chang-Ho C. Ji and Yodi Ibrahim, “Islamic Doctrinal Orthodoxy and Religious Orientations: Scale Development and Validation”, *The International Journal For The Psychology Of Religion*, 17(3)(2007), 189-208.

“Tidak Pasti” atau berkemungkinan tidak mempunyai ilmu berkaitan dengan Dialog Antara Agama. Seterusnya “2-Tidak bersetuju”, maka responden mempunyai kefahaman pada kategori “Tidak Faham dan “1-Sangat tidak bersetuju”, responden mempunyai kefahaman yang sangat rendah iaitu “Sangat Tidak Faham”.

Bagi melihat kesan kefahaman terhadap hubungan sosial responden, pengkaji menggunakan pelbagai bentuk pengukuran termasuk Skala Likert (Kaedah Skala 1-5). Sebagai contoh soalan untuk responden Kristian:

1. Bentuk Yes / No :

Adakah anda pernah berjumpa dengan Ketua Agama Islam (cth: Mufti, Qadhi, Imam) *Have you ever met with a Muslim’s Religious Leader?*

- 1 Ya/Yes (2) 2 No/Tidak (0)

2. Pelbagai jawapan:

Apakah reaksi awal anda terhadap mereka? *What is your immediate reaction towards him?*

- | | |
|--|--|
| 1 <input type="checkbox"/> Sangat sangsi/Ragu-ragu (5)
<i>Extremely dubious</i> | 3 <input type="checkbox"/> Tiada reaksi (3)
<i>No reaction</i> |
| 2 <input type="checkbox"/> Sangsi/Ragu-ragu (4)
<i>Dubious</i> | 4 <input type="checkbox"/> Boleh diterima (2)
<i>Acceptable</i> |
| | 5 <input type="checkbox"/> Harus dihormati (1)
<i>Should be respected</i> |

3. Pelbagai jawapan:

Jika Ketua Agama Islam (Mufti, Qadhi, Imam) memberi anda sebuah buku atau bahan bacaan mengenai agama mereka, adakah anda sudi untuk membacanya?
If Muslim Religious Leader gives you a books or treading materials about their religion, are you willing to read them?

- | | |
|---|---|
| 1 <input type="checkbox"/> Sangat sudi (1)
<i>Very willing</i> | 3 <input type="checkbox"/> Mungkin sudi (3)
<i>Probably willing</i> |
| 2 <input type="checkbox"/> Sudi (2)
<i>Willing</i> | 4 <input type="checkbox"/> Tidak ambil kisah (4)
<i>Do not care</i> |
| | 5 <input type="checkbox"/> Tidak sudi langsung (5)
<i>Not willing at all</i> |

Tiga contoh soal selidik di atas adalah soal selidik di dalam bahagian D: Maklumat hubungan sosial- (1) Interaksi sosial responden. Pengkaji mengandaikan bahawa bagi soalan 1, jika jawapan oleh responden adalah “Ya/Yes” dengan kiraan markah (2) maka wujud interaksi sosial oleh Paderi dan Mufti yang memungkinkan dialog berlangsung sama ada secara formal atau tidak apatah lagi dialog untuk menyelesaikan konflik. Tetapi jika jawapannya adalah “Tidak/No”, dengan kiraan markah (0) maka ia merupakan satu petanda (pengukuran) negatif di mana tidak wujud interaksi di antara Paderi dan Mufti dan seterusnya boleh menghalang dan menggagalkan proses dialog apatah lagi dialog penyelesaian konflik. Begitu juga dalam soalan kedua, jika jawapan adalah “Harus dihormati/*Should be respected*”, dengan kiraan markah (1) maka kesan sikap eksklusif responden “Sangat rendah”. Jika jawapan adalah “Sangat sangsi/Ragu-ragu/ *Extremely dubious*”, dengan kiraan markah (5) maka sikap eksklusif responden “Sangat tinggi” . Begitu juga soalan ketiga, jika jawapan adalah “Sangat Sudi/*Very willing*”, dengan kiraan markah (1) maka sikap eksklusif responden “Sangat rendah”. Maka proses untuk mendalami dan mendapat fakta sebenar mengenai agama Islam pasti terbuka luas dan dapat menjauhkan dari aspek salah tafsir dan berperasangka buruk terhadap Islam. Tetapi jika jawapan adalah “Tidak sudi langsung/*Not willing at all*”, dengan kiraan markah (5) maka sikap eksklusif responden “Sangat tinggi”. Maka jalan interaksi sosial akan tertutup dan menghalang proses dialog berjalan dan akhirnya akan membawa kesan negatif terhadap hubungan Paderi dan Mufti (kumpulan responden). Seterusnya menggagalkan keseluruhan proses dialog antara agama.

f) Analisis data (deskriptif)

Menurut Chua Yan Piaw terdapat sepuluh kaedah analisis data bagi kajian kualitatif.¹⁴⁸ Maka dalam kajian ini pengkaji akan menggunakan dua kaedah yang disenaraikan iaitu, (1) Kaedah Perbandingan Tetap¹⁴⁹ dan (2) Kaedah Analisis Matriks¹⁵⁰ di mana amat bersesuaian dengan kajian yang akan dijalankan.¹⁵¹

(1) **Kaedah Perbandingan Tetap**: Berdasarkan kepada tajuk kajian yang akan dijalankan, ia adalah satu kajian perbandingan. Maka sudah pasti kaedah analisis data yang utama adalah kaedah analisis data perbandingan. Di antara fokus perbandingan yang akan dilaksanakan adalah perbandingan tahap kefahaman responden iaitu di antara Pemimpin Agama Islam dan Kristian di samping faktor-faktor yang mempengaruhinya. Perbandingan seterusnya adalah perbandingan dari segi kesan terhadap hubungan sosial di antara kedua-dua kumpulan responden. Perbandingan hubungan sosial ini merangkumi, (1) Interaksi sosial responden dialog antara agama, (2) Sikap Eksklusif (3) Sikap Altruistik, (4) Kerjasama dalam menangani konflik dan (5) Kerjasama dalam hal-hal Dakwah dan Mubaligh (*Missionary*).

¹⁴⁸ Chua Yan Piaw “Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan Buku 2”, 47-49.

¹⁴⁹ *Ibid.*, 48

¹⁵⁰ *Ibid.*

¹⁵¹ Kaedah Perbandingan Tetap dan Kaedah Analisis Matriks telah digunakan oleh Jeanne Bee-Tin Lian dalam Jeanne Bee-Tin Lian, “Sensemaking and Sensegiving during Organizational Change: A Case Study of a Singapore Religious Leader (Tesis Doktor Falsafah Pendidikan, George Washington University, 2010) dan turut telah digunakan oleh Ghazali Basri dalam Ghazali Basri, “A Comparative Study on Religious Tolerance in Post –Independence Malaysia and Nigeria with Special Reference to Christian and Muslim Relation”. (Tesis Doktor Falsafah, University Aberden, 1988). Kedua-dua kaedah ini juga telah digunakan oleh penulis sendiri dalam kajian awal berkaitan penglibatan pemimpin agama dalam dialog antara agama yang telah diterbitkan dalam Khairulnizam Mat Karim & Suzy Aziziyana Sali, “Measuring religious leaders (Muslim-non Muslim) understanding on Interfaith Dialogue basic concept and its effect to social relation: a preliminary”, *Journal of Islamic Knowledge*, Vol. 1, No.2, (March 2012), 22-34.

(2) **Kaedah Analisis Matriks:** Kaedah ini juga dikenali sebagai Kaedah Analisis Logikal. Memandangkan kajian yang bersifat kualitatif ini tidak dapat digeneralisasikan (kepada pemimpin semua agama di Malaysia) dan tidak mencari signifikansi hubungan kedua-dua variabel (kefahaman – kesan) seperti di dalam kajian-kajian kuantitatif maka analisis secara logik/gambaran kasar harus dilaksanakan¹⁵² terhadap suatu perhubungan sebab, faktor, dan kesan sesuatu perkara yang akan dikumpulkan di dalam kajian ini. Oleh itu gambaran kasar atau secara umum akan dapat dilaporkan berdasarkan fokus responden iaitu kefahaman Pemimpin Agama Islam dan Kristian terhadap asas-asas dialog antara agama dan kesan tema-tema hubungan sosial di antara mereka. Hasil kajian akan dapat dijadikan panduan dan asas bagi sasaran kumpulan yang lain seperti kepada ketua agama-agama lain di Malaysia.

12. Jangkaan hasil kajian

Antara jangkaan hasil kajian ini adalah:

1. Dapat mengetahui tahap kefahaman Pemimpin Agama (Islam-Kristian) terhadap konsep asas dialog secara khusus. Oleh itu jika tahap kefahaman adalah rendah maka Pemimpin Agama (Islam-Kristian) harus mengambil inisiatif untuk mendalami ilmu asas-asas dialog dan menjadikannya satu keutamaan terutama bagi mereka yang terlibat secara langsung dalam proses dialog penyelesaian konflik.

¹⁵² *Ibid.*

2. Dapat mengetahui kesan-kesan (positif-negatif) secara langsung dan tidak langsung hubungan sosial Pemimpin Agama (Islam-Kristian) daripada kesan kefahaman dan ketidakfahaman. Oleh itu kesan negatif yang tinggi dalam hubungan sosial di antara mereka maka sudah pasti tidak ada jalan keluar dalam proses penyelesaian konflik. Ini adalah kerana interaksi sosial adalah amat penting sebelum sesuatu isu penting dan sensitif dibincangkan. Oleh itu hubungan sosial pemimpin agama khususnya Islam-Kristian harus dieratkan dan umumnya kepada semua ketua-ketua agama di Malaysia terutama di luar kerangka konflik iaitu hubungan sosial harian.

3. Hasil ini juga akan dapat dikongsikan bersama Ahli Jawatankuasa Untuk Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian di Antara Penganut Agama (JKMPKA) sebagaimana yang telah ditubuhkan oleh pihak kerajaan. Maka seluruh ahlijawatankuasa perlu mengambil inisiatif yang sama dalam usaha mencapai matlamat jawatankuasa iaitu “untuk menjadi mekanisme dialog dan mediasi bagi mewujudkan persefahaman dan keharmonian antara penganut agama ke arah Malaysia sebagai sebuah negara berjiwa muhibah”. Jika berlandaskan matlamat ini maka sudah pasti pemimpin agama mempunyai peranan penting sebagai ejen kepada persefahaman dan keharmonian di antara agama.

4. Berdasarkan kesan-kesan (positif-negatif) tersebut pemimpin agama secara khusus dengan kerjasama jabatan kerajaan yang berkaitan (dalam hal ini jabatan yang dipertanggungjawabkan adalah Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN) termasuk Jabatan Kemajuan Islam Malaysia(JAKIM) dapat merangka pelan alternatif atau merangka model (baru) pelaksanaan dialog atau dialog

penyelesaian konflik yang lebih efektif di masa hadapan. Ini adalah kerana berdasarkan literatur awal didapati pelaksanaan dialog antara agama yang berlangsung di Malaysia tidak berlandaskan sebarang bentuk model dan tidak berstruktur.

5. Dapat membina bank maklumat yang lengkap berkaitan pelaksanaan dialog antara agama dan isu-isu berkaitan hubungan antara agama (Islam-Kristian) seperti; (a) paparan maklumat hasil daripada kajian Muslim-Kristian ini akan dapat dijadikan pengukur suasana perpaduan, toleransi, keharmonian hidup masyarakat Malaysia yang berbilang agama, bangsa dan budaya. (b) paparan hasil kajian ini juga akan dapat membantu penyelidik lain untuk mengkaji mekanisme terbaik dalam kerangka model dialog antara agama di Malaysia sebagai metode terbaik menyelesaikan konflik antara agama.
6. Berdasarkan kepada observasi awal dengan merujuk kepada literatur awal (termasuk contoh-contoh kajian di luar negara) didapati berkemungkinan proses pelaksanaan dialog antara agama di Malaysia banyak dipengaruhi oleh faktor politik dan polisi-polisi kerajaan (terutama polisi perpaduan dan hubungan kaum dan agama) atau dikenali juga sebagai *socio-political approach* dalam proses untuk memastikan perpaduan dan keamanan masyarakat Malaysia yang berbilang agama ini terjamin. Oleh itu ia akan menghalang daripada pelaksanaan dialog sebenar sebagaimana perbincangan konsep dan teori dialog antara agama sama ada di dalam Islam mahupun Kristian.